Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

"DAN apa jua harta yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (pahalanya) untuk diri kamu sendiri. Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharapkan keredhaan Allah. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan, akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu. Dan kamu pula tidak dianiaya (tidak dikurangkan pahala)".

- Surah Al-Baqarah, ayat 272

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.36 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 105 | 2 SEPTEMBER 2023 / 1445 صفر 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# BERGANDING BAHU BASMI KEMISKINAN

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Rabu, 30 Ogos. - Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjejaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), bertitah, sekali pun isu kemiskinan di Negara Brunei Darussalam tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani.

"Dalam Islam, pembangunan sosial masyarakat adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan lambang keutuhan iman.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para graduan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

# Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Vo Van Thuong; dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh serta kerajaan dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam bersempena dengan Hari Kebangsaan Ke-78 Tahun.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Vo Van Thuong; dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh serta kerajaan dan rakyat Republik Sosialis Viet Nam bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara tersebut yang Ke-78 Tahun.

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-43, di Jakarta

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang bermula pada 5 hingga 7 September 2023.

>> Muka 3

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



12 pelajar terima biasiswa KHEU
Muka 11



UNISSA jalin kerjasama pelbagai bidang bersama universiti luar negara
Muka 18



26 pelajar program biasiswa Hengyi, IBTE berlepas ke Lanzhou
Muka 25




SEKTOR infokomunikasi tunjukkan kemajuan selaras dengan hasrat negara
Muka 28

# Teruskan sumbangan khidmat bakti melalui pelbagai kapasiti dan kegiatan

***Bismillaahir Rahmaanir Raheem,***
***Alhamdullilahi Rabbil Alamin,***
***Wassalatu Wassalamu'ala Ashrafil,***
***Anbiaie Walmursalin, Saidina***
***Muhammadin Wa'ala Alihi Wa Sahbihi***
***Ajmain,***
***Assalamu'alaikum Warahmatullahi***
***Wabarakatuh***
***dan Salam Sejahtera***

**TERLEBIH** dahulu, peramba/saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya jua, dapat berkumpul pada majlis yang penuh bermakna ini, bagi meraikan gabungan 175 penjawat awam dari Kementerian Pertahanan yang bersara pada tahun 2020 dan 2021 dan tiga orang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi Tahun 2022.

Peramba/saya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih di atas kesudian para pesara melapangkan waktu bersama keluarga untuk hadir di dalam majlis pada pagi ini. Majlis bagi meraikan dan menyampaikan tanda ingatan bagi menghargai segala jasa dan pengorbanan abiskita dalam mencurahkan khidmat bakti yang tulus dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dari hari pertama berkhidmat hingga hari persaraan.

Bagi para penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam, majlis ini adalah juga penghargaan dan pengiktirafan di atas usaha dan kegigihan dalam menghasilkan mutu perkhidmatan yang cemerlang dan tinggi yang berterusan sepanjang berkhidmat dan menyumbangkan bakti kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amnya dan Kementerian Pertahanan khususnya. Penganugerahan APCPA ini dihasratkan supaya ia dapat menjadi satu pendorong dalam meningkatkan semangat bekerja keras warga Perkhidmatan Awam dan juga bagi mendorong dalam menghasilkan produktiviti kerja yang lebih bermutu tinggi dan berkualiti, serta membantu ke arah peningkatan kualiti Perkhidmatan Awam di negara ini.

Peramba/saya juga yakin majlis yang penuh makna pada pagi ini, setentunya akan menyediakan peluang terbaik bagi kita berinteraksi dalam mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan mengekalkan suasana perpaduan di antara kita semua.

Pada kesempatan di majlis hari ini, peramba/saya bagi pihak Kementerian Pertahanan, merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih di atas kesetiaan dan khidmat bakti Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan selama berkhidmat di Perkhidmatan Awam amnya dan di Kementerian Pertahanan khasnya.

Peramba/saya yakin ianya masih segar di ingatan Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, pengalaman yang dilalui di dalam perjalanan perkhidmatan dari mula perlantikan ke Perkhidmatan Awam sehingga ke saat persaraan. Ada kalanya terpaksa melalui pelbagai cabaran dari aspek masa, sosial dan fizikal. Pengalaman menempuhi ledakan teknologi maklumat pada penghujung 1990-an termasuk kedatangan teknologi Internet, yang mendatangkan impak besar dalam kita melaksanakan tugasan harian di pejabat.

Pada penghujung akhir perkhidmatan, setentunya sesuatu pengalaman yang juga akan menjadi kenangan abadi adalah cabaran bertugas semasa gelombang pandemik COVID-19. Pengalaman *Work From Home* (WFH), penggunaan aplikasi bagi mesyuarat atau perjumpaan secara maya, demi untuk terus berjuang menjalankan amanah tugasan bagi memastikan perkhidmatan awam dan operasi kementerian tidak terjejas. Setentunya pengalaman unik ini telah juga membawa banyak pengajaran dan hikmah dari pelbagai sudut.

Peramba/saya mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan mengharungi semua cabaran yang ditempuhi sepanjang tempoh perkhidmatan. Dalam pada ini, tidak kita lupakan juga penghargaan kepada isteri atau suami yang selama ini begitu tabah mengharungi bersama cabaran hidup bekeluarga dengan seorang penjawat awam, serta memberi sokongan dan dorongan kepada pasangan masing-masing.

Bagi pesara yang telah meninggal dunia, yang telah lebih awal meninggalkan kita buat selamanya, waris-waris yang hadir di majlis ini, peramba/saya sukacita mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberi rahmat dan agar roh-roh mereka semua berada di dalam golongan orang-orang yang beriman. Aamiin Yarabbal 'alamiin.

Sesungguhnya segala yang disumbangkan semasa perkhidmatan seperti masa, tenaga, hasil kerja individu, kerja berpasukan, buah fikiran, kepimpinan – walau dalam apa jua skala pun, memberikan makna dan impak ke arah pelaksanaan misi pertahanan yang berkesan serta kelancaran pembangunan Kementerian Pertahanan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara kita sentiasa terjaga.

Kementerian Pertahanan telah banyak mengalami transformasi, dan Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan setentunya adalah sebahagian dari jentera penjana kepada kemajuan Kementerian Pertahanan yang kita lihat sehingga ke hari ini.



**MENTERI Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi Bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap sempena Majlis Penyampaian Sijil Dan Cenderahati Kepada Pesara-Pesara Awam Kementerian Pertahanan Tahun 2020 Dan 2021 & Penerima-Penerima Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2022 pada Selasa, 8 Ogos 2023 di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong.**

**>> Muka 14**

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | SABTU | 16 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.27 | 6.26 | 7.36 |
| 3 | AHAD | 17 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.26 | 6.26 | 7.36 |
| 4 | ISNIN | 18 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.25 | 6.25 | 7.35 |
| 5 | SELASA | 19 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.36 | 12.20 | 3.24 | 6.25 | 7.35 |
| 6 | RABU | 20 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.36 | 12.20 | 3.23 | 6.25 | 7.34 |
| 7 | KHAMIS | 21 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.20 | 3.22 | 6.24 | 7.34 |
| 8 | JUMAAT | 22 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.21 | 6.24 | 7.33 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 25 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Kuala Belait | 33 25 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 2 SEPTEMBER 2023

# Pembangunan sosial masyarakat lambang keutuhan iman

**KEMISKINAN** diasaskan tiga perspektif berbeza, iaitu berasaskan perspektif kewangan (kemiskinan mutlak), perspektif kemanusiaan dan perspektif pelbagai dimensi. Kemiskinan merupakan masalah multidimensi kerana berkaitan dengan ketidakmampuan akses secara ekonomi, sosial budaya, politik dan partisipasi dalam masyarakat. Secara ekonomi, kemiskinan dapat didefinisikan sebagai kekurangan sumber daya yang dapat digunakan untuk memenuhi keperluan hidup dan meningkatkan kesejahteraan sekelompok orang. Bagaimanapun, tumpuan kita adalah perspektif kewangan merangkumi aspek kemampuan kewangan memperoleh keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian serta kualiti hidup baik.

Syukur alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, isu kemiskinan tidak sebesar di negara membangun yang lainnya namun ia tetap perlu ditangani. Justeru, adalah penting untuk kita mendidik masyarakat tentang kemiskinan sebagai isu global yang berlaku di seluruh dunia. Ini kerana kehidupan berkualiti adalah hak bagi semua untuk menikmatinya.

Dalam kehidupan bermasyarakat terutamanya di negara ini, kita perlu hidup saling tolong-menolong antara satu sama lain mengikut kemampuan masing-masing untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh seseorang. Islam turut menganjurkan umatnya untuk saling membantu sesama saudara Islam yang sedang mengalami kesusahan melalui sedekah dan pengeluaran zakat.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023, "Dalam Islam, pembangunan sosial masyarakat adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan lambang keutuhan iman".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah menzahirkan pendapat bahawa UNISSA berperanan besar untuk turut menangani isu ini.

UNISSA jelas baginda boleh berganding bahu membasmi kemiskinan di negara ini dengan melaksanakan penyelidikan-penyelidikan yang bersesuaian.

Daripada hasil penyelidikan itu, tegas baginda akan dapat dikenalpasti cara atau jalan untuk membantu golongan terbabit melalui penjanaan pendapatan dan peningkatan taraf hidup dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

Apa yang penting, sepertimana pepatah yang sering kita dengar, 'berikan joran, bukannya ikan kepada orang miskin' boleh direalisasikan dengan memperkasa ekosistem industri meliputi inklusiviti sosial, pendidikan dan ekonomi.

Kerajaan perlu melibatkan pertubuhan bukan kerajaan dan pemain industri yang berkaitan dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan. Dengan inisiatif dan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan dan sokongan orang awam dapat membantu golongan yang memerlukan untuk memperbaiki serta melengkapkan kemahiran dan kebolehan diri untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan mengubah taraf kehidupan menjadi lebih berkualiti. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan iaitu Tuan Yang Terutama Chief of the Defence Force, Australia Defence Force (atas kiri dan atas kanan) dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (bawah kiri dan bawah kanan).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan iaitu Chief of the Defence Force, Australia Defence Force, Tuan Yang Terutama Jeneral Angus John Campbell, AO, DSC dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Emad bin Abdulaziz bin Saad Al Muhanna.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Chief of the Defence Force, Australia Defence Force, TYT Jeneral Angus John Campbell, AO, DSC.





Menyertai TYT pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, TYT Luke Arnold; Penasihat Pertahanan Australia ke NBD, Wing Commander Matthew Xerri; Senior Enlisted Adviser to Chief of the Defence Force, Australia, Warrant Officer Ken Robertson dan Director Malaysia, the Philippines and Brunei, International Policy Division, Department of Defence, Australia, Mr. David Bolton.

NBD dan Australia mempunyai sejarah kerjasama pertahanan yang teguh dan terjalin lama yang disokong oleh kerjasama pertahanan dua hala yang komprehensif merangkumi lawatan, pertukaran profesional, eksesais, latihan dan kursus.

Hubungan pertahanan dua hala di antara NBD dan Australia turut diperkukuhkan melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam kerjasama bidang pertahanan pada 10 Mei 1999.

TYT Jeneral Angus Campbell dan rombongan berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama dua hari dari 30 hingga 31 Ogos 2023.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, TYT Emad bin Abdulaziz bin Saad Al Muhanna yang akan menamatkan perkhidmatan.

TYT telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 15 Januari 2019.

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-43, di Jakarta

**>> Muka 1**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang bermula pada 5 hingga 7 September 2023. Kebawah DYMM bersama para pemimpin ASEAN semasa bergambar ramai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 di Labuan Bajo, Nusa Tenggara, Indonesia.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

Sidang-Sidang Kemuncak berkenaan akan dipengerusikan oleh Republik Indonesia, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, dan akan menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta rakan-rakan dialog yang lainnya bagi memperkembangkan perbincangan, yang antara lainnya mengenai usaha-usaha pembangunan komuniti ASEAN dan pengukuhan kerjasama bersama rakan-rakan dialog termasuk dalam isu-isu yang berkepentingan bersama seperti kerjasama ekonomi, belia, perubahan iklim, situasi di Myanmar, Code of Conduct in the South China Sea dan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific (AOIP).

Mengimbas kembali Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 di Labuan Bajo pada bulan Mei lalu, para pemimpin ASEAN telah membincangkan perkembangan dalam usaha-usaha pembangunan Komuniti ASEAN, pelaksanaan Five-Point Consensus dan AOIP serta menumpukan kepentingan dalam mempertahankan perpaduan ASEAN bagi memastikan ASEAN terus menjadi pusat pertumbuhan dan wadah yang relevan untuk dialog dan kerjasama ke arah keamanan dan kemakmuran bersama.

Ini selaras dengan tema Pengerusi ASEAN pada tahun ini, iaitu 'ASEAN Matters : Epicentrum of Growth', yang menekankan peranan utama ASEAN dalam seni bina serantau yang kian berkembang ke arah mencapai keamanan dan kemakmuran di rantau ini, serta memberi tumpuan kepada menggalakkan pertumbuhan dan pemulihan ekonomi melalui kerjasama yang kukuh.

Tema tersebut menekankan komitmen ASEAN untuk meningkatkan kapasiti dan keberkesanan institusi ASEAN ke arah menjadi lebih adaptif dan responsif terhadap cabaran-cabaran masa depan.

PELITA BRUNEI

# Berganding bahu basmi kemiskinan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

"Ini jelas apabila Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menitikberatkan isu sosial sehingga Baginda menafikan kesempurnaan iman bagi siapa yang tidur kekenyangan sedang dia mengetahui jiran tetangganya tidur dalam kelaparan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan pendapat bahawa UNISSA berperanan besar untuk turut menangani isu ini.

"UNISSA boleh berganding bahu membasmi kemiskinan di negara ini dengan melaksanakan penyelidikan-penyelidikan yang bersesuaian.

"Daripada hasil penyelidikan itu, akan dapat dikenal pasti cara atau jalan untuk membantu golongan terbabit melalui penjanaan pendapatan dan peningkatan taraf hidup dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan," titah baginda.

Isu kemiskinan ini juga, titah baginda, berkait rapat dengan isu sekuriti makanan.

Kebawah DYMM bertitah bahawa makanan yang berkhasiat adalah diperlukan untuk kesihatan fizikal dan mental.

"Individu yang sihat akan menjadi sumber tenaga kerja yang berkualiti yang boleh menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan negara.

"Kebetulan pula dengan wujudnya Fakulti Pertanian di UNISSA, beta percaya dengan kepakaran yang dimiliki akan dapat menyumbang bagi menaiktarafkan ekosistem pertanian dan peningkatan kualiti, hasil pengeluaran pertanian dan pemakanan negara. Termasuk dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menambah sumber pendapatan dan sekali gus menyokong agenda global ke arah mencapai matlamat kelaparan sifar dalam Sustainable Development Goals (SDG)," jelas Kebawah DYMM dalam titah.

Dalam hubungan ini juga, baginda gembira mengetahui bahawa UNISSA adalah merupakan satu-satunya universiti tempatan yang tersenarai dalam The Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2023 dalam penilaian prestasi universiti global yang mendukung agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa UNISSA terus mendapat pengiktirafan global dan berkembang seiring dengan tuntutan semasa," titah baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah, seperti dimaklumi, pada hari ini, SDG adalah agenda global yang ditekankan dilaksanakan oleh setiap negara, yang mana negara ini turut tidak ketinggalan berusaha ke arah mencapai matlamat berkenaan.

Daripada 17 matlamat yang telah disenaraikan oleh PBB, titah baginda, antaranya ialah sifar kemiskinan.

Menyentuh mengenai kualiti program dan keperluannya kepada negara pula, baginda bertitah mengambil maklum bahawa program Dwi-Ijazah Syari'ah dan Undang-Undang yang sedang berjalan pada masa ini adalah ditawarkan di bawah Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang.

"Program yang seumpama ini tidak ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam tempatan yang lain selain UNISSA sahaja. Beta melihat, ini adalah satu kelebihan bagi UNISSA," jelas Kebawah DYMM lagi.

Namun begitu, baginda bertitah, untuk mencapai kesan lebih baik dan kualiti lebih tinggi, maka baginda berpendapat, ada keperluan untuk menjadikannya dua fakulti berasingan, satu fakulti Syari'ah dan satu lagi fakulti Undang-Undang, di mana dengan hal yang demikian, dapatlah masing-masing fakulti itu akan beroperasi lebih teratur dan dapat memberikan tumpuan khusus supaya modul atau kursus di dalamnya boleh dirangka dengan lebih terarah.

"Sementara matlamat paling penting, kedua-dua fakulti ini, masing-masing akan dapat diharapkan untuk melahirkan lulusan-lulusan yang berkualiti yang memenuhi piawaian antarabangsa.

"Adapun fakulti Undang-Undang akan menyediakan pengajian peringkat tinggi dalam bidang perundangan Syari'ah dan Sivil, iaitu satu cara untuk menghasilkan pengamal-pengamal undang-undang yang celik dan pakar dalam dua-dua perundangan Syari'ah dan Sivil sekali gus," titah baginda lagi.

Dalam pada itu, Kebawah DYMM menzahirkan rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13, UNISSA.

"Pada kesempatan ini, beta sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang menerima ijazah dan diploma pada hari ini.

"Ijazah dan diploma berkenaan adalah tanda kejayaan semua graduan yang telah menyempurnakan pengajian dalam bidang masing-masing di UNISSA.

"Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan beta kepada para Ibu bapa, penjaga dan tenaga akademik atas usaha dan pengorbanan masing-masing bagi kejayaan para graduan," titah baginda.

Selain itu, baginda juga bertitah merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahili-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat Universiti, Rektor, Pegawai-Pegawai Utama, tenaga akademik serta seluruh pegawai dan kakitangan UNISSA atas segala sumbangan tenaga, buah fikiran dan masa dalam sama-sama menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-13 ini.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalasnya dengan sebaik-baik ganjaran di dunia dan di akhirat," titah baginda.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**



**ANTARA yang hadir pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 tersebut.**

**"Kebetulan pula dengan wujudnya Fakulti Pertanian di UNISSA, beta percaya dengan kepakaran yang dimiliki akan dapat menyumbang bagi menaiktarafkan ekosistem pertanian dan peningkatan kualiti, hasil pengeluaran pertanian dan pemakanan negara. Termasuk dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menambah sumber pendapatan dan sekali gus menyokong agenda global ke arah mencapai matlamat kelaparan sifar dalam Sustainable Development Goals (SDG)".**

# 471 GRADUAN DIRAIKAN PADA HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA KE-13

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadahkan tangan ketika doa dibacakan bagi memberkati majlis.**



**BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**

**BERAKAS**, Rabu, 30 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13.

Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sejurus keberangkatan tiba, perarakan baginda didahului dengan Bentara menjunjung mushaf UNISSA di hadapan perarakan berkenaan dan masuk diiringi dengan alunan selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana' dan kemudiannya diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' sejurus selesai perarakan Canselor.

Hafl Al-Takharruj diimarahkan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Al-Baqarah bermula ayat 168 hingga 171, dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tahfiz dan Qiraat), Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Haji Abdul Habib yang telah mewakili Negara Brunei Darussalam pada Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Kebangsaan 2022.

**>> Muka 6**










**PARA graduan, peserta persembahan dan para tetamu yang hadir menadahkan tangan ketika doa dibacakan pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 (atas kanan sekali, atas kiri, atas tengah dan atas kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan sijil kepada para graduan (kiri dan kanan).**

**>> Muka 5**

Manakala bacaan Al-Hadis disampaikan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Awang Abdul Rahim bin Haji Mohd. Arsat.

Sementara inti sari ayat-ayat suci Al-Quran dan Al-Hadis pula dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Fakulti Teknologi Islam, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ahim.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Sebelum itu, Rektor UNISSA menyembahkan sembah alu-aluan dan kemudiannya memaklumkan penerima-penerima Pingat dan Hadiah Buku Universiti serta para penyumbang sempena Hafl Al-Takharruj Ke-13.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada tahun ini, UNISSA berjaya melahirkan 471 graduan, jumlah tertinggi sejak pengeluaran graduan pada tahun 2011 yang lalu.

Hafl Al-Takharruj tahun ini menyaksikan tujuh graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 73 graduan Ijazah Sarjana, 358 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 10 graduan menerima Ijazah Diploma, 21 orang daripada Program Diploma Kebangsaan dan seorang menerima Diploma Kebangsaan. Manakala seorang graduan menerima ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 Juzuk.

**>> Muka 7**



**PARA graduan yang bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 (atas).**



**BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran, yang dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tahfiz & Qiraat), Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Haji Abdul Habib yang telah mewakili Negara Brunei Darussalam pada Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Kebangsaan 2022.**





**KEGEMBIRAAN terpancar di wajah para graduan setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing (kanan dan kanan sekali).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi sesi bergambar ramai.**

**>> Muka 6**

Daripada jumlah tersebut, seramai 35 graduan adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa iaitu dari Thailand, Indonesia, Singapura, Malaysia, Maghribi, Palestin and China.

Dengan penerimaan ijazah bagi setiap graduan, mereka akan terus menyumbang jasa bakti dalam dunia pekerjaan di arena masyarakat dengan membawa nilai-nilai yang diterapkan iaitu takwa, berkepimpinan, cemerlang, integriti dan berwawasan.

Adapun misi UNISSA iaitu melahirkan pemimpin bertakwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Kemajuan UNISSA akan semakin menyerlah dengan penubuhan UNISSA Kampus Sinaut yang menempatkan Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan seterusnya tertubuhnya nanti kampus kekal UNISSA yang terletak di Mukim Labu, Temburong, sekali gus melonjakkan lagi reputasi UNISSA dan merealisasikan harapan negara untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam pada peringkat global.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra bersama jawatankuasa Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 dan para graduan (atas, kiri, bawah kiri dan bawah kanan)**





# UNISSA TERUS MEMPERTINGKATKAN KUALITI, CEKAP PERKHIDMATAN

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Rabu, 30 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam usianya yang baru mencapai 15 tahun penubuhannya akan terus mempertingkat kualiti dan kecekapan perkhidmatannya dalam menyediakan pendidikan dan penyelidikan Islam yang diperlukan negara.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menyembahkan, bagi memastikan produktiviti dapat terus diperbaiki, UNISSA meneruskan penilaian strategik dengan meletakkan piawai yang bersesuaian sebagai pengukur kepada standard sistem pengurusan akademik dan pentadbirannya.

"Alhamdulillah, berkat pemedulian yang berterusan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap perkembangan UNISSA dan semangat kerjasama padu semua warga UNISSA, UNISSA berjaya memperoleh pengiktirafan lima bintang bagi tempoh tiga tahun (2023-2026) berdasarkan sistem penarafan antarabangsa oleh agensi Penilaian Quacquarelli Symonds (QS)," sembahnya pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Dr. Haji Norarfan menyembahkan, UNISSA berjaya memperoleh lima bintang bagi lima kategori iaitu pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan, pembangunan akademik, pengantarabangsaan dan fasiliti, manakala dua lagi kategori iaitu pemedulian masyarakat dan inklusif (keterangkuman) memperoleh empat bintang.

Sembahnya, kejayaan UNISSA memperoleh penarafan lima bintang jelas membuktikan bahawa kualiti UNISSA semakin diterima dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Selain itu sembahnya, UNISSA juga berjaya memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 pada Oktober 2022 bagi Kampus Sinaut selain memperoleh semula sijil yang sama bagi Kampus Gadong.

"Pengiktirafan antarabangsa ini merupakan perakuan bahawa UNISSA telah memenuhi keperluan piawaian audit dan mampu menyediakan sistem pengurusan yang berkualiti seiring dengan persekitaran semasa yang semakin dinamik dan kompleks," sembahnya lagi.

Di samping itu, sembahnya, UNISSA juga pada tahun ini telah mendapat beberapa pengiktirafan yang memacu kewibawaannya di pentas global.

Terdahulu, dalam sembah alu-aluannya menyembahkan, selain memantapkan program akademik yang sedia ada, UNISSA turut mengembangkan program akademiknya sejajar dengan keperluan pembangunan dan kemajuan negara.

Dr. Haji Norarfan menyembahkan, beberapa program baharu pada peringkat siswazah dan prasiswazah akan mula ditawarkan pada semester akan datang iaitu Program Diploma Siswazah Da'ie dan Kepimpinan di mana program yang ditawarkan oleh Fakulti Usuluddin pada peringkat siswazah itu dihasratkan untuk melahirkan para da'ie yang profesional, berkaliber, karismatik, berkeperibadian unggul dan memiliki kemahiran serta ilmu yang luas dalam pelbagai disiplin ilmu.

Sembahnya lagi, ia adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menyarankan agar UNISSA menyediakan program keilmuan, kursus dan latihan kepada para da'ie.

Seterusnya sembahnya, Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban juga mengorak langkah setapak lagi dengan membuka program dalam bidang masing-masing dengan menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Akuakultur) dan Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah Akuakultur di bawah Fakulti Pertanian.

"Sementara Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban pula menawarkan program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah Sains Halal dan Inovasi. Sektor Akuakultur dan Sains Halal serta Inovasi ini sangat berpotensi untuk dikembangmajukan bagi membantu negara membangun industri yang pelbagai dan mewujudkan ekosistem ekonomi yang berdaya tahan," sembahnya.

Dalam mendukung wawasan murni itu sembahnya, program yang akan ditawarkan Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidkan Halalan Thayyiban ini adalah dihasratkan untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dalam bidang yang berkaitan.

"Adalah menjadi agenda UNISSA untuk sentiasa menyuburkan budaya penyelidikan. Walau bagaimanapun, prinsip lazim yang diamalkan iaitu penyelidikan fundamental untuk mencari kebenaran dan memperluas ufuk ilmu pada masa kini sudah perlu diterjemah kepada inovasi. Inovasi yang akan memberikan impak positif kepada golongan sasaran dalam kalangan masyarakat," sembahnya lagi.

Dr. Haji Norarfan seterusnya menyembahkan, menyedari akan kepentingan kesihatan yang merupakan anugerah paling berharga kepada setiap insan, kepentingan kesihatan yang dicanang di sini bukan hanya dari segi fizikal bahkan kesihatan mental dan emosi adalah sama penting.

Dalam menangani isu kesihatan dan kesejahteraan mental yang dilihat semakin meningkat sembahnya, UNISSA melalui Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah mengambil inisiatif menubuhkan sebuah program yang digelar Rakan U.M.A.T (RU). Program sebegini adalah seiring dengan praktik institusi pengajian tinggi luar negara.

Sembahnya, penubuhan RU itu juga adalah selaras dengan Sustainable Development Goals (SDGs) ketiga yang mempromosikan kesihatan yang baik dan kesejahteraan (Good health and well being) dan merupakan salah satu prinsip utama dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga akal (Hifz al-'Aqliy).



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13 (atas). Sementara gambar bawah dan bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**







**REKTOR UNISSA semasa menyampaikan sembah alu-aluan.**

# BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XVI dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta kerajaan dan rakyat Malaysia bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-66.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XVI dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta kerajaan dan rakyat Malaysia bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-66.**

# Berkenan menerima mengadap



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan kanan).**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdulaziz bin Saad Al Muhanna yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 15 Januari 2019.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.



# AK. HADI AIMAN MUNCUL WIRA DPMM FC U20



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG,** Jumaat, 1 September. - DPMM FC U20 menang tipis ke atas Setia Perdana FC U20 dengan keputusan berakhir 1 - 0 pada saingan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun (FABD Youth League U20) yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut menyertai perlawanan bagi mewakili DPMM FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Gol tunggal bagi DPMM FC pada perlawanan tersebut dijaringkan oleh Awangku Hadi Aiman Pengiran Hamizal.

Separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, akan tetapi keduanya gagal untuk menjaringkan sebarang gol sehingga pengadil meniup wisel penamat.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan DPMM FC dengan bijak mengatur serangan dan nyaris sahaja menjaringkan gol pembukaannya pada minit ke-61 menerusi sepakan jauh yang dilakukan oleh Adrian Zikry Nur Khairi namun tersasar sedikit ke sudut kiri.

Aksi perlawanan sedikit panas apabila Adrian Zikry dan Saiful Zawawi Sazalee dari DPMM FC melakukan kekasaran terhadap pemain penyerang Setia Perdana FC.

Namun begitu, DPMM FC terus lagi mengatur serangan demi serangan dan sekali lagi hampir sahaja menjaringkan gol menerusi Adrian Zikri yang sekali lagi membuat percubaan dari jarak jauh pada minit ke-71 namun tersasar.

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang bermain sebagai pemain tengah pada perlawanan tersebut beraksi cemerlang dan hampir menjaringkan gol bagi DPMM FC namun berjaya dihadang oleh penjaga gawang Setia Perdana FC, Mohammad Danial Hazwan pada minit ke-74.

Awangku Hadi Aiman seterusnya muncul wira bagi DPMM FC setelah berjaya menjaringkan gol bagi DPMM FC pada minit ke-88 dari jarak dekat.

Jaringan kekal 1 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat bagi separuh masa kedua.



**MENYERTAI perlawanan bagi mewakili DPMM FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

# Kementerian Pertahanan terima Lawatan Rasmi





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menerima kunjungan hormat daripada Chief of the Defence Force, Australian Defence Force, Tuan Yang Terutama Jeneral Angus John Campbell, AO, DSC (kiri). Manakala gambar kanan, TYT Jeneral Angus John Campbell juga mengadakan perjumpaan berasingan bersama Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BOLKIAH GARISON,** Khamis, 31 Ogos. - Kementerian Pertahanan menerima Lawatan Rasmi daripada Chief of the Defence Force, Australian Defence Force, Tuan Yang Terutama Jeneral Angus John Campbell, AO, DSC di Bolkiah Garison, hari ini.



Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama Jeneral Angus John Campbell memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

TYT Jeneral Angus John Campbell mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Semasa perjumpaan tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan TYT menggariskan persahabatan erat yang terjalin lama dalam bidang pertahanan, yang memberi sumbangan positif kepada keteguhan keseluruhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara terutamanya melalui inisiatif Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Tentera ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus yang kedua-dua negara mempengerusikan bersama dari tahun 2021-2024.

Perjumpaan berkenaan juga memberikan peluang bagi perbincangan isu-isu yang berkepentingan bersama.

TYT juga mengadakan perjumpaan berasingan bersama Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua belah pihak telah menekankan komitmen bersama untuk memperkukuh hubungan ketenteraan dua hala dalam menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau.

Dalam bidang pertahanan, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Australia memeterai Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 10 Mei 1999.

Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan sudah lama terjalin yang merangkumi lawatan, pertukaran profesional, eksesais, latihan dan kursus.

Chief of the Defence Force, Australian Defence Force, TYT Jeneral Angus John Campbell, AO, DSC sedang berada di NBD bagi Lawatan Rasmi bermula 30 hingga 31 Ogos 2023.

**TUAN Yang Terutama semasa memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei.**

# 12 PELAJAR TERIMA BIASISWA KHEU



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama para penerima Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Sesi Akademik 2023 / 2024.**

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**GADONG**, Khamis, 31 Ogos. - Seramai 12 pelajar telah ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian di luar dan dalam negara, tujuh daripadanya akan meneruskan pengajian di Peringkat Sarjana Muda di beberapa buah institusi pengajian di luar negara seperti Republik Arab Mesir, Kerajaan Hasyimiyah Jordan, Australia dan Malaysia.

Manakala lima pelajar lagi ditawarkan Biasiswa Skim Khas bagi mengikuti pengajian di Jerudong International School (JIS).



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan anugerah Biasiswa KHEU kepada salah seorang penerima.**

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama, Sesi Akademik 2023 / 2024 yang berlangsung di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Ketika ditemui salah seorang penerima biasiswa KHEU, Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran, pelajar lepasan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (SMALHB), yang akan melanjutkan pengajian Sarjana Muda Fiqh dan Usul di Universiti Jordan, menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan biasiswa ini.

Beliau berharap agar dapat menimba ilmu di sana dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada bangsa, agama dan negara secara umumnya kepada seluruh masyarakat dan khususnya kepada penuntut agama.

"Saya mula meminati ilmu Usuluddin kerana ianya berkait dengan kehidupan seharian yang melibatkan akidah dan kepercayaan. Saya juga ingin meneruskan pembelajaran Usuluddin untuk menjadi lebih khusyuk dalam beribadah," ujar Dayang Najla Salsabeela binti Haji Ismail, pelajar lepasan SMALHB, penerima biasiswa pengajian Sarjana Muda Usuluddin Tafsir di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Beliau berhasrat ingin meningkatkan pembangunan diri bukan sahaja sebagai seorang pelajar tetapi sebagai seorang insan supaya lebih konsisten dalam pelajaran dan berusaha untuk meraih masa depan yang lebih baik dan juga menyumbang kepada Negara Brunei Darussalam dari segi ilmu dan maklumat.





**DAYANG Najla Salsabeela binti Haji Ismail (kiri) dan Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran (kanan) semasa ditemu bual.**

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Sejurus itu, diikuti dengan Ucapan oleh Pengarah Pengajian Islam, JPI, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, selaku Pengerusi Majlis.

Tujuan majlis diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas penganugerahan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berjaya, di samping memberi motivasi kepada kecemerlangan akademik dan usaha gigih penerima-penerima berkenaan untuk terus mencapai kecemerlangan dalam pengajian yang lebih tinggi.

Majlis juga merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung Rancangan KHEU 2020-2024 yang selaras dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035, dan acara kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

# Dukung keberjayaan sistem persekolahan Arab, Pengajian Tahfiz



**PENGARAH Pengajian Islam, JPI, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, selaku Pengerusi Majlis menyampaikan ucapan alu-aluan.**

**GADONG**, Khamis, 31 Ogos - Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) merupakan salah satu inisiatif yang sangat penting dalam mendukung keberjayaan sistem persekolahan Arab dan Pengajian Tahfiz, di mana jumlah keseluruhan pelajar biasiswa KHEU setakat sesi pengajian 2022/2023 adalah seramai 103 orang.

Seramai 36 pelajar daripadanya telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini.

Dengan adanya penganugerahan biasiswa baharu, jumlah keseluruhan terkini pelajar-pelajar Biasiswa KHEU adalah seramai 79 orang, jelas Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar, dalam ucapan beliau selaku Pengerusi Majlis Doa Kesyukuran bagi Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama sesi 2023 / 2024M yang diadakan di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Beliau menjelaskan, pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam Arab dan umum termasuk hafazan Al-Quran menjadi syarat utama bagi melayakkan pelajar-pelajar dianugerahkan biasiswa tersebut.

Penganugerahan ini juga katanya, dapat menyalurkan pelajar-pelajar Cemerlang sekolah Arab dan Institut Tahfiz untuk meneruskan pengajian di peringkat pengajian tinggi khususnya di institusi pengajian tinggi luar negara.

Sehubungan dengan itu, beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan telah dan akan terus dilaksanakan yang melibatkan proses pemilihan, perancangan keperluan dan kategori biasiswa yang ditawarkan.

Salah satu aspek baharu dan nilai tambah dalam proses pemilihan ialah Scholarship Leadership Assesment (SLA) yang dilaksanakan secara usaha sama dengan Bahagian Biasiswa Jabatan Arah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan yang menekankan aspek kepimpinan sebagai salah satu aspek penting yang perlu ada pada setiap calon.

Beliau menambah aspek pencapaian akademik khususnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam adalah masih menjadi kriteria utama, yang mana dengan adanya usaha-usaha ini juga dapat terus mengukuhkan kedudukan biasiswa dan kerjasama berterusan setiap jabatan dan bahagian serta pihak berkepentingan untuk dapat memanfaatkan lulusan graduan sebagai hasil pelaburan kerajaan.

Selain itu ujarnya, berkaitan kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti Al-Azhar akan tetap terus diperkukuhkan kerjasama dengan Pusat Perkembangan Pengajian bagi Pelajar-pelajar Asing di Republik Arab Mesir dengan pelaksanaan kursus Bahasa Arab Secara Dalam Talian yang merupakan pra-syarat untuk memasuki dan seterusnya mengikuti pengajian di Universiti tersebut.

Inisiatif berkenaan telah memberikan manfaat yang sangat besar khususnya kepada pelajar-pelajar yang berhajat untuk mengikuti pengajian di Al-Azhar dan sangat membantu kepada para ibu bapa atau penjaga dari aspek komitmen kewangan dan kesejahteraan anak-anak tanpa perlu menghantar keluar negara lebih awal.

Akhirnya, dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran pelajar-pelajar biasiswa tersebut jelasnya, pihak jabatan akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan bagi pelaksanaan modul-modul yang bersesuaian dengan keperluan semasa bagi memberikan kemahiran-kemahiran tambahan dan seterusnya menjadi nilai tambah bagi mempersiapkan pelajar-pelajar tersebut dengan dunia pekerjaan nanti.

# USAHA PEMBANGUNAN EKONOMI TUNJUK HASIL POSITIF





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menerima cenderamata penghargaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei Group, Albert Lau (kiri). Sementara gambar atas, Yang berhormat semasa bergambar ramai pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Borneo Bulletin Yearbook (BBYB), berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D' Seni.

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Ihsan Sin Chew Daily**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 Ogos. - Usaha kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah pembangunan ekonomi menunjukkan hasil positif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara tersebut dalam ucapannya pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Borneo Bulletin Yearbook (BBYB), berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D' Seni.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, usaha Kerajaan NBD ke arah pembangunan ekonomi telah bermula sejak beberapa tahun lalu.

Ada lima sektor keutamaan yang telah dikenal pasti dan usaha kerajaan untuk membangun lima sektor ini telah menunjukkan hasil positif.

Lima sektor keutamaan berkaitan pembangunan ekonomi negara jelas Yang Berhormat adalah sektor makanan, hiliran minyak dan gas, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), perkhidmatan dan pelancongan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa pada suku pertama tahun 2023, ekonomi NBD mendaftarkan pertumbuhan positif sebanyak 0.8 peratus, dorongan utama pertumbuhan ini adalah pertumbuhan signifikan sektor Bukan Minyak dan Gas iaitu sebanyak 6.2 peratus.

Tambah Yang Berhormat lagi, kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan aktiviti ekonomi dan pelaburan dalam sektor-sektor keutamaan untuk memacu pertumbuhan industri dan ekonomi secara keseluruhan.

Kerajaan juga akan meningkatkan usaha untuk membangunkan ekosistem kondusif yang akan menggalakkan aktiviti ekonomi serta menggalakkan pengembangan perniagaan tempatan untuk mencapai pasaran luar negara, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan, adalah penting juga untuk memanfaatkan teknologi bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan, tetapi untuk meningkatkan kedayatahanan untuk masa depan.

Dalam menyokong usaha ini tambah Yang Berhormat, penglibatan, sokongan dan kerjasama semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) diperlukan.

Ilmu pengetahuan dan kepakaran yang unik kepada setiap pihak berkepentingan juga adalah untuk dimanfaatkan.

Apa yang juga perlu adalah hubungan perkongsian yang lebih kukuh di antara pihak kerajaan, swasta, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan juga orang awam. Ini adalah penting untuk mengemudi cabaran yang akan dihadapi dalam perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035.

"InsyaaAllah dengan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita akan dapat membina sebuah masa depan yang kita semua boleh banggakan, untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, majlis juga mendengarkan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Besar Brunei Press Sdn Bhd, Anafiah binti Omar.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei Group, Albert Lau.

Tema BBYB untuk tahun 2023 adalah 'Building The Future'. Buku BBYB telah diterbitkan oleh Syarikat Brunei Press Sdn. Bhd sejak tahun 1993 dan menjadi sebuah buku panduan *go-to* yang komprehensif untuk penduduk NBD.

# Anugerah Bintang BIBD ALAF hargai pencapaian pelajar






YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa penyampaian sumbangan buku bacaan perpustakaan kepada salah sebuah sekolah program BIBD ALAF (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Seramai 83 pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) menerima Anugerah Bintang BIBD ALAF (BIBD ALAF Star Award) 2022 pada Majlis Memperingati 10 Tahun Program Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat BIBD ALAF.

Majlis berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada para pelajar ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri dalam ucapannya mengongsikan bahawa seorang pelajar telah lulus Ijazah Sarjana Muda Shariah dari Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir pada tahun 2021.

Manakala, dua pelajar BIBD ALAF tambahnya, sedang melanjutkan pengajian masing-masing di tahun akhir dan salah seorang darinya dalam Pengajian Islam di Universiti Al-Azhar, Mesir dan seorang lagi dalam bidang Farmasi di Universiti Nottingham, United Kingdom.

Beliau seterusnya menjelaskan, seramai 31 pelajar juga sedang meneruskan pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

Setakat ini, sebanyak 54 buah sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam di peringkat pengajian umum serta tujuh buah sekolah rendah, menengah dan tingkatan enam di peringkat Pengajian Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran terlibat di dalam program BIBD ALAF.

Menurutnya lagi, kejayaan BIBD ALAF ini adalah manifestasi Kerjasama Public Private Partnership (PPP) yang menggabungkan pihak-pihak berkepentingan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan menerusi Jabatan Sekolah-Sekolah, dan BIBD dalam mengungkayahkan program ini melalui sikap keprihatinan, sikap pemedulian dan kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat.

"Di samping itu, seramai 85 orang Guru Hal Ehwal Pelajar ALAF juga dilantik untuk sama-sama memantau dan melaksanakan program ini di peringkat sekolah-sekolah yang terlibat," ujar beliau.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah galakan Hafazan Al-Quran pelajar BIBD ALAF kepada Awang Mohd Firdaus bin Haji Mohd Salleh dan kemudian disusuli dengan penyampaian sumbangan buku bacaan perpustakaan kepada 10 buah sekolah program BIBD ALAF.

# KUKUHKAN KOMITMEN TANGANI CABARAN PERUBAHAN IKLIM

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai semasa menghadiri Mesyuarat Ke-30 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) diadakan di Jakarta, Republik Indonesia.**




**JAKARTA, INDONESIA**, Rabu, 30 Ogos. - Mesyuarat Ke-30 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) telah berlangsung pada 28 hingga 29 Ogos 2023 di Jakarta, Republik Indonesia, yang dihadiri oleh para Menteri ASCC atau wakil, dan Setiausaha Agung ASEAN.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Koordinator Bidang Pembangunan Manusia dan Kebudayaan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Muhadjir Effendy, selaku Pengerusi Majlis ASCC tahun 2023.

Mesyuarat juga disertai oleh Timor-Leste, selaku pemerhati.

Mesyuarat antara lain bertukar-tukar pandangan mengenai kemajuan yang dicapai oleh Tunggak ASCC di bawah Kepengerusian Indonesia, dalam mana para Menteri menyatakan semula dedikasi yang tinggi ke arah merealisasikan keutamaan ASCC khususnya dalam meningkatkan penglibatan orang kurang upaya dalam kemajuan ekonomi dan sosio-budaya ASEAN, serta menyokong penjagaan dan pendidikan awal yang komprehensif bagi kanak-kanak, dengan memastikan ia boleh diakses oleh semua.

Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim yang kompleks dan saling berkait, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersependapat dengan para Menteri yang lain untuk mengukuhkan komitmen ASEAN terhadap pemuliharaan alam sekitar dan melindungi keunikan kepelbagaian ASEAN.

Para Menteri seterusnya menyatakan penghargaan terhadap penandatanganan perjanjian penubuhan ASEAN Centre for Climate Change dan ASEAN Coordinating Centre on Transboundary Haze Pollution Control, dan seterusnya mengalu-alukan pengoperasian kedua-dua pusat tersebut.

Para Menteri juga membincangkan hala tuju strategik ASCC, dengan memberikan tumpuan khusus kepada bidang pendigitalan, evolusi teknologi, faktor kritikal peralihan demografi, serta menekankan kepentingan hubungan masyarakat ASEAN ke arah membina Komuniti ASEAN yang berdaya tahan dan inklusif.

Sebagai persediaan terhadap pelaksanaan Kajian Akhir Penggal ASCC Blueprint, para Menteri seterusnya menyarankan agar Badan-Badan Sektoral ASCC untuk menyegerakan pelaksanaan pelan kerja mereka dan jika perlu, untuk membuat pensejajaran semula aktiviti-aktiviti dengan langkah-langkah strategik yang lebih relevan.

Menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan dalam menyokong pembentukan ASEAN Community Vision Post-2025 dan ASCC *attendant document*, Yang Berhormat menekankan bahawa ASCC perlu memainkan peranan proaktif dan lebih bermaklumat antaranya dengan memanfaatkan mekanisme-mekanisme ASCC seperti ASCC Research & Development Platforms.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Selain itu, perlunya ada kesinambungan berterusan terhadap pelaksanaan deklarasi dan komitmen-komitmen ASEAN sebelum ini, dalam masa yang sama memastikan ia selari dengan perkembangan, cabaran dan trend terkini.

Yang Berhormat seterusnya mengaitkan perkara ini dengan dua komitmen utama iaitu kepentingan usaha yang berterusan dalam memupuk Budaya Pencegahan, ke arah menggalakkan nilai perkongsian ASEAN yang lebih memahami dan bertolak ansur, yang memerlukan kerjasama kukuh rentas-sektor dan rentas-tunggak.

Di samping itu, turut ditekankan kepentingan memupuk keprihatinan ekonomi melalui Care Economy dalam menyokong golongan yang terdedah.

Dalam kaitan ini, mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan pembentukan *attendant document* bagi ASEAN Community's Post-2025 yang dijadualkan bermula pada Oktober 2023 dan juga mengambil maklum usaha berterusan yang dilaksanakan di bawah ASCC, termasuk cadangan penubuhan High-Level Committee on the ASCC (HLC-ASCC).

Di penghujung mesyuarat, para Menteri mengalu-alukan Dokumen-Dokumen Hasil ASCC untuk dihadapkan kepada Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN bagi diluluskan dan diambil maklum oleh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 pada bulan depan (September 2023).

Di samping Mesyuarat Ke-30 ASCC, Yang Berhormat berpeluang mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn, bertempat di Pejabat Sekretariat ASEAN.

Yang Berhormat juga menyatakan penghargaan Negara Brunei Darussalam di atas sokongan berterusan yang diberikan oleh Sekretariat ASEAN.

Yang Berhormat turut disertai oleh para pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.






# Adab dan tatatertib berdoa




BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 :

**Tafsirnya** : "*Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran*".

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita sentiasa mengharapkan rahmat, keredaan, keampunan dan pertolongan daripada-Nya. Adapun antara cara untuk mendapatkannya adalah melalui berdoa.

Sesungguhnya doa bererti permintaan atau permohonan dan luahan hasrat hati seorang hamba kepada Khaliqnya untuk menyatakan sesuatu hajat lebih-lebih lagi ketika ditimpa sebarang ujian dan dugaan.

Perlu diingat, bahawa berdoa itu hendaklah dilakukan pada setiap masa, ketika dan keadaan, lebih-lebih lagi pada waktu kita sedang sihat dan senang kerana dengan cara itu apabila berdoa pada waktu kita sakit dan susah, maka doa itu mudah diperkenankan dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Sesiapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah pada waktu kesulitan dan kesusahan maka hendaklah dia memperbanyakkan doa pada waktu senang*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Berapa banyak orang yang berdoa, namun pada masa yang sama secara sedar ataupun tidak, ada di antaranya yang masih melakukan perkara-perkara yang menjadi penyebab kepada doanya ditolak dan tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh sebab itu, mengetahui perkara yang menjadi punca ataupun sebab doa tidak diterima adalah penting bagi kita untuk memperbaiki kesilapan dan menghalusi kekurangan yang terdapat di dalam berdoa.

Di antara sebab doa tidak dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ialah tidak bersungguh-sungguh dalam berdoa hingga menjadikan hati lalai ketika berdoa dan tidak yakin bahawa doa akan dimakbulkan.

Sesungguhnya hati atau jiwa manusia itu bukan hanya boleh menjadi lupa dan lalai, malah hati atau jiwa itu boleh menjadi mati disebabkan oleh pelbagai perkara. Akibatnya apabila hati telah mati maka segala doa yang dipohonkan tidak diterima atau dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Disebut dalam Kitab Al-Majalis As-Sinniyah tulisan Sheikh Ahmad bin Hijazi Al-Misri, beliau menceritakan :

"*Suatu hari Ibrahim bin Adham (seorang ahli Tasawuf yang masyhur) berjalan di pasar Basrah, beliau dikeremuni oleh orang ramai. Di antara mereka ada yang bertanya : "Wahai Abu Ishaq (panggilan kepada Ibrahim bin Adham), apa halnya kami, kami berdoa tetapi tidak dimakbulkan doa-doa kami". Maka Ibrahim menjawab : "Kerana hati-hati kamu telah mati dengan sebab 10 perkara*" :

**Pertama :** Kamu mengenal Allah tetapi kamu tidak menyempurnakan hak-Nya.

**Kedua** : Kamu mendakwa bahawa kamu mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi kamu meninggalkan sunnahnya.

**Ketiga :** Kamu membaca Al-Quran tetapi kamu tidak beramal dengannya.

**Keempat :** Kamu makan nikmat-nikmat Allah tetapi kamu tidak bersyukur atas nikmat tersebut.

**Kelima** : Kamu katakan bahawa syaitan itu musuh kamu tetapi kamu menurut kemahuannya.

**Keenam** : Kamu katakan bahawa syurga itu benar tetapi kamu tidak beramal untuknya.

**Ketujuh** : Kamu katakan bahawa neraka itu benar tetapi kamu tidak lari daripadanya.

**Kelapan** : Kamu katakan bahawa mati itu benar tetapi kamu tidak pernah mempersiapkan bekal untuk menghadapinya.

**Kesembilan** : Kamu sibukkan diri dengan aib saudara kamu dan kamu lupakan aib diri kamu sendiri.

**Ke-10** : Kamu selalu mengebumikan mayat dalam kalangan kamu tetapi kamu tidak pernah mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya.

Daripada kata-kata ulama tersebut, jelas membayangkan betapa doa itu berkait rapat dengan hati. Justeru, hanya hati-hati yang hidup dengan keimanan dan ketakwaan saja yang akan berhasil memperoleh kemurahan dan perkenan Allah Subhanahu Wata'ala.

Adalah menjadi adat dan kelaziman jika kita berkehendak sesuatu daripada seseorang, kita akan bersopan santun dan bertatatertib. Maka apatah lagi jika kita memohon dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala tentulah lebih daripada itu.

Sesungguhnya doa mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita dituntut untuk berdoa dengan adab dan bertatatertib agar doa itu dimakbulkan. Antara adab dan tatatertib itu ialah :

**Pertama** : Berwuduk dan memulakan serta mengakhiri doa dengan menyebut dan memuji-muji nama Allah Subhanahu Wata'ala serta mengucapkan selawat dan salam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Kedua** : Bersungguh-sungguh dalam berdoa dan berasa penuh yakin bahawa doa itu akan diperkenankan.

**Ketiga** : Berdoa disertai dengan kerendahan hati, nescaya dengan jiwa yang tulus ikhlas, merendahkan suara serta diiringi dengan perasaan takut akan azab Allah Subhanahu Wata'ala dan penuh harapan dengan limpah kurnia-Nya.

**Keempat** : Memastikan sumber rezeki yang kita peroleh seperti makanan, minuman dan pakaian itu adalah daripada sumber yang halal.

**Kelima** : Janganlah berdoa dengan sesuatu yang tidak selayaknya seperti perkara yang tidak munasabah dan mustahil.

**Keenam** : Doa-doa tersebut juga hendaklah bersifat umum, menyeluruh dan padat. Antara doa yang sering dibaca oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu katanya : Adalah doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang terbanyak sekali Baginda baca ialah :

**Maksudnya** : "*Ya Allah ya Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada api neraka*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Perlu diingat, bahawa berdoa bukanlah hanya untuk diri sendiri sahaja bahkan kita juga dituntut untuk mendoakan orang lain terutamanya ibu bapa, anak-anak, ahli keluarga, saudara-mara, Muslimin dan Muslimat sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia.

Sesungguhnya ibu bapa adalah orang yang paling utama untuk didoakan oleh anak-anak, lebih-lebih lagi apabila keduanya telah meninggal dunia. Ini adalah bagi membalas jasa mereka kerana telah menjaga dan mendidik kita pada waktu kecil. Malah penjagaan mereka terhadap anak-anak tersebut sehingga dewasa, tiada penghujungnya. Begitu juga halnya dengan ibu bapa, mereka digalakkan supaya mendoakan anak-anak mereka.

Akhirnya, marilah kita bersikap rajin dan tidak bosan memanjatkan doa setiap masa dan ketika, di kala senang mahupun susah, di kala sakit mahupun sihat dan ketahuilah bahawa tiada satu di antara doa-doa kita akan sia-sia. Allah lebih Mengetahui bila doa itu sesuai dikabulkan. Sesungguhnya Allah akan memenuhi dan memakbulkan doa hamba-hamba-Nya selama mana kita beriman dan mematuhi perintah dan larangan-Nya. Rajin berdoa adlaah tanda bahawa kita sentiasa mengharapkan akan bantuan Allah dan Allah menyambut doa-doa kita dengan keredaan-Nya :

**Tafsirnya** : "*Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina*". (Surah Ghafir, ayat 60)

## HALUAN

# Teruskan sumbangan khidmat bakti melalui pelbagai kapasiti dan kegiatan

>> Muka 2

Negara kita tidak terkecuali akan terus menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan daripada situasi global yang penuh ketidaktentuan. Di samping mengharungi cabaran-cabaran pembangunan yang sedia ada, seperti pengangguran, kebergantungan kepada hasil minyak dan gas dan sebagainya; usaha-usaha pembangunan negara juga mendepani isu-isu seperti pemanasan global, cuaca ekstrem dan penyakit mental yang kian membimbangkan.

Oleh itu, negara kita memerlukan penglibatan dan sumbangan semua pihak untuk menghadapi dan membangunkan kedayatahanan terhadap cabaran-cabaran ini, sepertimana jua di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda Ke-77 tahun pada 15 Julai 2023, di mana baginda bertitah :

"...menyeru semua lapisan rakyat dan penduduk untuk memperkuat semangat dan determinasi kita dalam menghadapi situasi yang sukar ini. Marilah kita sama-sama menggalas usaha dan memberanikan diri untuk melangkah lebih yakin ke hadapan."

Komitmen dan khidmat bakti Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sebagai warga Kementerian Pertahanan kepada mempertahankan negara tidak berakhir selepas memasuki alam persaraan. Begitu juga sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Harapan peramba/saya adalah semangat dan dedikasi dalam mempertahankan dan memajukan bangsa dan negara, diteruskan melalui pelbagai kapasiti dalam apa jua kegiatan yang akan diceburi setelah bersara khusus di dalam negara mendekati Wawasan 2035nya.

Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang kini memasuki alam persaraan setentunya mempunyai ilmu dan pengalaman berharga yang terkumpul selama beberapa dekad. Titipkan dan kongsikanlah ilmu dan pengalaman berharga tersebut kepada generasi muda dan mereka yang masih berkhidmat, agar dapat dijadikan sebagai pedoman dan panduan, supaya mereka dapat memanfaati dan mengambil alih tugasan seterusnya bagi meneruskan usaha pembangunan negara dengan penuh yakin dan keazaman.

Seruan peramba/saya, bawalah gelaran mantan penjawat awam itu dengan penuh kebanggaan, perasaan keseronokan dan kepuasan yang mendalam atas pencapaian diri sendiri. Ilmu dan pengalaman yang diraih sepanjang perkhidmatan, beserta kejayaan melepasi cabaran-cabaran semasa berkhidmat untuk terus membantu negara menyusuri cabaran-cabaran pembangunan masa kini dan akan datang. Inilah inti pati konsep Pertahanan Holistik dan pendekatan *whole-of-nation* iaitu keterlibatan seluruh pelusuk rakyat dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035, memastikan negara kekal aman dan sejahtera.

Akhir kata, peramba/saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan curahkan. Jasa-jasa yang abiskita telah curahkan telah memainkan peranan penting dalam sejarah dan perkembangan negara kita, yang akan selalu dikenang dan dihargai.

Semoga kenangan berkhidmat di Kementerian Pertahanan khususnya menjadi memori indah kepada Yang Mulia Pengiran, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian. Peramba/saya juga berdoa agar segala urusan akan dipermudahkan serta akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi dalam tempoh persaraan dan akan sentiasa diberkati dengan diberikan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

Kepada penerima-penerima anugerah cemerlang dan semua yang masih berkhidmat, peramba/saya mengajak untuk terus berusaha dan sentiasa berdedikasi dalam perkhidmatan kita, dan menjadikan setiap cabaran sebagai peluang untuk mencapai kecemerlangan.

Di kesempatan ini, peramba/saya juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Pengerusi Majlis dan Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan dan semua yang terlibat bagi menjayakan penganjuran majlis ini.

Sebelum peramba/saya mengundurkan diri, bagi mereka yang telah dan akan bersara peramba/saya melalui rangkap pantun berikut ingin berpesan :

Buah Mengkudu Buah Delima,
Dijadikan obat mendapat rahmat,
Menjayakan Wawasan Brunei 2035,
Walau bersara tetap mencurah khidmat.

Dan untuk yang masih dalam perkhidmatan, marilah kita renungi kata hikmah lama di dalam rangkap pantun ini :

Pergi ke perigi untuk mandi,
Balik ke rumah memasak nasi,
Hidup ini ikutlah resmi padi,
Semakin tunduk semakin berisi.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam
pada 15 Safar 1445H/1 September 2023M

JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Adab dan Tatatertib Berdoa

### Antara sebab doa tidak dimakbulkan oleh Allah:

**Tidak bersungguh-sungguh dalam berdoa hingga menjadikan hati lalai ketika berdoa dan tidak yakin bahawa doa akan dimakbulkan**

---

### Disebut dalam Kitab al-Majalis as-Saniah tulisan Sheikh Ahmad bin Hijazi al-Misri:

*Hati-hati kamu telah mati dengan sebab sepuluh perkara:*

- Kamu mengenal Allah SWT, **tetapi kamu tidak menyempurnakan hakNya**
- Kamu mendakwa bahawa kamu mencintai Rasulullah SAW, **tetapi kamu meninggalkan sunnahnya**
- Kamu membaca al-Quran, **tetapi kamu tidak beramal dengannya**
- Kamu makan nikmat-nikmat Allah, **tetapi kamu tidak bersyukur atas nikmat tersebut**
- Kamu katakan bahawa Syaitan itu musuh kamu, **tetapi kamu menurut kemahuannya**
- Kamu katakan bahawa syurga itu benar, **tetapi kamu tidak beramal untuknya**
- Kamu katakan bahawa neraka itu benar, **tetapi kamu tidak lari daripadanya**
- Kamu katakan bahawa mati itu benar, **tetapi kamu tidak pernah mempersiapkan bekal untuk menghadapinya**
- Kamu sibukkan diri dengan aib saudara kamu **dan kamu lupakan aib diri kamu sendiri**
- Kamu selalu mengebumikan mayat dikalangan kamu, **tetapi kamu tidak pernah mengambil iktibar dan pengajaran darinya**

### Antara adab dan tatatertib berdoa ialah:



Berwudhu', mulakan dan akhiri doa dengan menyebut dan memuji-muji nama Allah SWT serta mengucapkan Salawat dan salam kepada Rasulullah SAW



Bersungguh-sungguh dalam berdoa dan berasa penuh yakin bahawa doa itu akan diperkenankan



Disertai dengan kerendahan hati, khusyu' dengan jiwa yang tulus ikhlas, merendahkan suara serta diiringi dengan perasaan takut dengan azab Allah SWT dan penuh harapan dengan limpah kurniaNya



Jangan berdoa dengan sesuatu yang tidak selayaknya (perkara yang tidak munasabah dan mustahil)




Pastikan sumber rezeki yang kita perolehi dari sumber yang halal



Doa-doa hendaklah bersifat umum, menyeluruh dan padat

*Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam*

# MEMPERKUKUH KERJASAMA MELALUI PENYERTAAN BELIA



REPUBLIK Korea yang diketuai oleh Penolong Pengarah dari Ministry of Gender Equality and Family, Republik Korea, Jonggeun Lee semasa Program Pertukaran Belia Korea - Brunei.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 Ogos. - Rombongan seramai 12 orang delegasi Republik Korea yang diketuai oleh Penolong Pengarah dari Ministry of Gender Equality and Family, Republik Korea, Jonggeun Lee hari ini memberi kunjungan hormat kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah binHaji Yusly bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taqwa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Rombongan berada di negara ini sebagai sebahagian daripada Program Pertukaran Belia antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan yang antara lain mengongsikan bahawa program ini merupakan kesinambungan daripada Program Pertukaran Belia Korea - Brunei bagi delegasi NBD yang telah dijalankan secara fizikal pada 20 hingga 29 Jun 2023 di Korea Selatan selepas program berkenaan diadakan secara dalam talian sejak tiga tahun kebelakangan.

Majlis juga diisikan dengan ucapan daripada ketua rombongan delegasi dan pembentangan ringkas mengenai Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) dan diteruskan dengan pertukaran cenderamata dan sesi bergambar ramai.

Delegasi seterusnya membuat kunjungan hormat kepada Kedutaan Republik Korea di Pejabat Kedutaan Korea di Jalan Kebangsaan. Hadir mengalu-alukan kedatangan delegasi ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun.

Kunjungan tersebut diisikan dengan sesi interaksi antara delegasi dan juga Tuan Yang Terutama dan seterusnya mengadakan lawatan sekitar Bangunan Pejabat Kedutaan dan bergambar ramai.

Dalam ucapannya, TYT menggalakkan para belia untuk mengingati peranan mereka sebagai diplomat tidak rasmi dan berusaha untuk mewujudkan persepsi positif terhadap Korea, menyumbang kepada imej negara yang baik.

Antara pengisian program tersebut adalah lawatan ke beberapa tempat seperti Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Muzium Teknologi Melayu dan Muzium Maritim, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Peliunan Park Temburong, Kristal FM, Jerudong Park Playground, Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Decoupage Sengkarai Daerah Tutong, Muzium Daerah Belait, Seri Kandi Factory, Billionth Barrel Monument dan sebagainya.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa berucap pada majlis tersebut.

Selain itu, delegasi Republik Korea juga berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong. Rombongan turut diberikan pendedahan tentang kehidupan masyarakat tempatan melalui pembelajaran dan pengalaman mengenai pakaian, adat istiadat dan makanan serta mengalami sendiri akan berlangsungnya majlis perkahwinan bagi memberikan lagi gambaran secara dekat mengenai tradisi masyarakat di negara ini.

Program Pertukaran Belia itu turut bertujuan untuk membantu dan mengukuhkan kerjasama di antara NBD dan Republik Korea serta untuk meningkatkan persefahaman dan kepercayaan kedua-dua belah pihak melalui penyertaan belia dalam program itu.

Menerusi usaha itu, para delegasi yang terdiri daripada para belia diharap dapat memperoleh faedah daripadanya seperti persefahaman kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik, di samping kedua-dua pihak dapat meraih ilmu pengetahuan, mempelajari budaya serta membawa pulang idea dan amalan terbaik pelaksanaan program belia di pusat-pusat belia di negara masing-masing untuk digunakan atau dilaksanakan mengikut kesesuaiannya.





ROMBONGAN delegasi Republik Korea semasa kunjungan hormat yang berlangsung di Bilik Mesyuarat At-Taqwa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri sekali dan kiri).

# Stok bekalan darah pada tahap rendah

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah pada tahap yang rendah.

Penderma darah Kumpulan 'A', 'B' dan 'AB' adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah atau Tabung-tabung Darah berdekatan, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah sepertimana yang dijadualkan dan Kempen-kempen Derma Darah tersebut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Sabtu, 2 September 2023 di Bilik VIP, Bangunan Utama Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar bermula pada jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 1.30 petang hingga 2.30 petang. Kempen ini juga diadakan bersempena dengan Ulang Tahun Perkhidmatan TV Brunei Ke-48.

Seterusnya, kempen serupa juga akan diadakan pada Isnin, 4 September 2023 di Bilik Aktiviti, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Kemudian, kempen juga diadakan pada Selasa dan Khamis iaitu pada 5 dan 7 September 2023 bermula pada jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di The Function Room, Blok 5, Tingkat 2, The One Shopping Complex, Batu Satu.

Kempen Derma Darah juga akan diadakan pada Sabtu, 9 September 2023 di Event Stage, Tingkat 1, Mabohai Shopping Complex bermula pada jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Kempen Derma Darah ini dianjurkan bersama dengan Boeffi International.

Sehubungan itu, tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Sabtu, **2** September 2023 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang | Bilik VIP, Bangunan Utama Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar Sempena Ulang Tahun Perkhidmatan TV Brunei ke - 48 |
| Isnin, **4** September 2023 9.00 pagi hingga 11.30 pagi | Bilik Aktiviti, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kampung Pandan |
| Selasa dan Khamis, **5 dan 7** September 2023 10.00 pagi hingga 2.00 petang | The Function Room, Blok B, Tingkat 2, The One Shopping Complex, Batu Satu |
| Sabtu, **9** September 2023 10.00 pagi hingga 3.00 petang | Event Stage, Tingkat 1, Mabohai Shopping Complex Anjuran Boeffi International |

# PEMENANG PERTANDINGAN MENULIS ESEI TERIMA HADIAH



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai bersama para peserta.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Awang Mohammad Kafil Ifwat bin Awang Ariffin Zainal berjaya memenangi Pertandingan Menulis Esei Mengenai Kesultanan Oman anjuran Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Juara pertandingan tersebut yang menyampaikan mengenai 'Keindahan Alam Sekitar di Kesultanan Oman' itu sekali gus mengetepikan tiga peserta lain dan membawa pulang hadiah dan sijil penghargaan.

Tiga peserta lain iaitu Awang Abdul Rashid bin Haji Zainie dengan menyampaikan tajuk ‘Pendidikan di Kesultanan Oman’ dan Dayang Syahirah @ Syakirah menjelaskan tentang ‘Budaya Kesultanan Oman’ serta Dayang Nurul Muhassanah memfokuskan mengenai ‘Pelancongan di Kesultanan Oman’.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Al Kathiry.

Terdahulu, Dekan Fakulti Bahasa Arab (FBA), UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dalam alu-aluannya menjelaskan bahawa pihaknya sangat gembira dan berpuas hati dengan kerjasama yang sudah terjalin antara FBA, UNISSA dan Kedutaan Kesultanan Oman di NBD dalam banyak program terkait bahasa Arab, khususnya SAP dan SEP, yang terbukti telah meningkatkan kemampuan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Fakulti Bahasa Arab UNISSA.

Menurutnya, pihak FBA, UNISSA berharap kerjasama berkenaan akan terus dilanjutkan pada masa hadapan.

Jelasnya, adapun pertandingan itu dibukakan kepada pelajar FBA, UNISSA yang telah menamatkan Kursus Intensif Bahasa Arab bagi Bukan Penutur Bahasa Arab di Sultan Qaboos College for Teaching Arabic to Non-Native Speakers, Kesultanan Oman pada bulan Mac 2023 yang lalu.

Majlis anjuran kolaborasi bersama FBA, UNISSA dan Kedutaan Kesultanan Oman di NBD itu dihadiri hampir 100 orang terdiri daripada Rektor UNISSA, Dr. Norarfan bin Haji Zainal serta pegawai-pegawai Utama, para pensyarah dan pelajar-pelajar UNISSA.

# 269 pelatih ikuti Program Jati Diri

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohammad Hanif A. Halit**



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Jadi Diri (PJD).**

**TEMBURONG**, Khamis, 31 Ogos. - Program Jati Diri (PJD) diharap akan dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan para pelatih di samping membentuk modal insan yang mempunyai sahsiah dan disiplin yang cemerlang, beriltizam dan mempunyai kekuatan mental dan emosi serta berdaya tahan ataupun resilien.

Berucap pada Majlis Pembukaan Jati Diri Kohort Ke-4 dan Ke-5 anjuran Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) berlangsung di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad seterusnya menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland pada 18 Disember 2022 yang lalu antara lain bertitah :

“Perlu diingat oleh semua golongan pelajar, bahawa pendidikan adalah kunci utama untuk memacu pembangunan negara kerana pendidikanlah yang menentukan sumber manusia menjadi nadi penggerak kepada kemajuan. Gunakan dan rebutlah peluang ini dengan sebaiknya”.

Sehubungan itu, Dr. Haji Azman melahirkan harapan agar para ibu bapa dan penjaga serta masyarakat sekeliling kita, agar para pelajar yang mengikuti program pada peringkat Sijil Kelayakan Kemahiran Keindustrian (ISQ) tidak akan mensia-siakan peluang yang diberikan.

“Segala usaha murni yang dicurahkan dalam menjayakan program ini adalah ke arah mencapai matlamat pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu menghasilkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

“Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai aspirasi untuk menghasilkan rakyat yang siap siaga masa depan dengan membina warga yang berdaya tahan dan bercita-cita tinggi dengan minda pertumbuhan ataupun *growth mindset* serta etika kerja yang baik dan disiplin yang kukuh,” ujar beliau lagi.

Aspirasi ini terangnya, adalah konsisten dengan objektif strategik Kementerian Pendidikan iaitu dalam menambah baik kemasukan seluruh sistem dengan memastikan akses kepada pembelajaran yang berkualiti dan peluang pencapaian pendidikan untuk semua pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan demi untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya.

PJD yang diungkayahkan dengan kerjasama padu di antara Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) dan IBTE ini adalah bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keperibadian dan jati diri yang teguh dalam kalangan para pelatih.

Dr. Haji Azman seterusnya melahirkan harapan agar melalui perisian dan aktiviti yang dilaksanakan di dalam PJD ini akan menghasilkan dan meningkatkan semangat patriotik, memupuk rasa perpaduan dan kerjasama berpasukan, meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta membentuk perwatakan positif, proaktif dan keyakinan diri dalam kalangan para pelatih.

Sehubungan itu, seramai 269 pelatih yang terdiri daripada pelajar iSkill Kohort Ke-4 dan Kohort Ke-5 di bawah IBTE menyertai PJD yang bermula pada hari ini.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai Daerah Temburong, Ketua-ketua Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Kerja (MISC-WG) bagi Sektor Tenaga, Pengarah-pegarah dan Pegawai Kanan dari MPEC, Jabatan Tenaga; BKBN dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Program selama 90 hari tersebut adalah usaha kolaborasi antara Sekretariat Tetap MPEC, IBTE, dan BKBN yang merupakan sebahagian daripada Program Sijil Kelayakan Kemahiran Keindustrian (iSkill Industrial Skills Qualification - ISQ) dalam Blasting and Painting, iSkill ISQ dalam Marking and Fitting, iSkill ISQ dalam Rigging dan iSkill ISQ dalam Scaffolding di bawah IBTE.

Majlis juga memaparkan video perjalanan pelatih kohort lalu yang telah tamat menjalani PJD, diikuti dengan laungan ikrar oleh kesemua pelatih program berkenaan.



**SERAMAI 269 pelatih semasa laungan ikrar yang terdiri daripada pelajar iSkill Kohort Ke-4 dan Kohort Ke-5 di bawah IBTE yang menyertai PJD.**

PELITA BRUNEI

# UNISSA JALIN KERJASAMA PELBAGAI BIDANG BERSAMA UNIVERSITI LUAR NEGARA





**PENANDATANGANAN Memorandum Persefahaman oleh Rektor UNISSA bersama ketua-ketua perwakilan dari University Chittagong, Bangladesh; Universiti Islam Malang (UNISMA), Indonesia; Universiti Antarabangsa Al-Madinah, (MEDIU) Malaysia; dan Institut Agama Islam Almuslim Aceh; dan Universitilslam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia (kiri, kanan dan bawah kiri).**

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 30 Ogos. - Bersempena Hafl Al-Takharruj Kali Ke-13, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memperluas jaringan kerjasama melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama beberapa buah institusi-institusi pengajian luar yang ikut menghadiri Hafl Al-Takharruj Kali Ke-13 UNISSA.

Majlis penandatanganan tersebut diadakan di Bilik Galeri, Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama ketua-ketua perwakilan dari University Chittagong, Bangladesh; Universiti Islam Malang (UNISMA), Indonesia; Universiti Antarabangsa Al-Madinah, (MEDIU) Malaysia; dan Institut Agama Islam Almuslim Aceh; dan Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia.

Sementara penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) juga turut dilaksanakan di antara Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, diwakili oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA dan Dekan Fakulti Tarbiya, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dan Institusi Pendidikan Guru, Prof. Dr. Haji Nur Ali, M. Pd. mewakili Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia.

UNISSA terus berusaha menjalinkan kerjasama dalam bidang pertukaran tenaga akademik, pelajar, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

Dengan termeterainya penandatanganan bersama institusi-institusi pengajian tinggi luar negara tersebut adalah merupakan platform ke arah perancangan-perancangan kolaborasi seterusnya yang akan dirancang demi manfaat bersama khususnya mengukuhkan kedudukan UNISSA sebagai hab pengajian tinggi Islam global.





**PENANDATANGANAN Memorandum Perjanjian di antara Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, diwakili oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA dan Dekan Fakulti Tarbiya, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dan Institusi Pendidikan Guru, Prof. Dr. Haji Nur Ali, M. Pd. mewakili Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia.**

# Tangani isu pengangguran belia kampung

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**KUALA BELAIT**, Rabu, 30 Ogos. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai penubuhan serta fungsi, peranan dan inisiatif-inisiatifnya, Program Akar Umbi dianjurkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Program ini adalah sebagai kesinambungan kepada program yang telah diadakan di Daerah Brunei dan Muara pada bulan Mei lalu, di mana diteruskan lagi buat kali ke-2 di Daerah Belait yang mengambil tempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Program turut dihadiri oleh Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung serta Ketua-ketua Rumah Panjang (PEKERUPA) Daerah Belait.

Ketua Sekretariat Tetap MPEC, Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam ucapan alu-aluan mengongsikan tujuan program tersebut dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh anak-anak kampung terutama sekali yang berkaitan dengan hal ehwal pekerjaan.

Program ini diharapkan dapat memupuk persefahaman, bertukar-tukar pandangan dan mengeratkan lagi silaturahim bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung selaku pemimpin-pemimpin akar umbi, sebagai usaha sama membantu anak-anak kampung untuk menjadi lebih *employable*, *marketable* dan meningkatkan kemahiran.

Dr. Hajah Siti Haziah turut mengongsikan bahawa menurut Kajian Tenaga Kerja bagi Tahun 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kadar pengangguran meningkat sedikit daripada 4.9 peratus pada tahun 2021 kepada 5.2 peratus pada tahun 2022.

Walau bagaimanapun, kadar tersebut lebih rendah berbanding kadar pengangguran (7.3 peratus) pada tahun 2020. Bagi menangani isu pekerjaan, kerjasama melalui Pendekatan Senegara (Whole of Nation) dan Seluruh Kerajaan (Whole of Government) adalah sangat diperlukan.

Di samping itu, Ketua Sekretariat Tetap MPEC juga merakamkan penghargaan kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung atas penglibatan yang berterusan dalam sama-sama merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035, dalam usaha membangunkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Sementara itu, dalam ucapan Pemangku Pegawai Daerah Belait menyeru kepada Ahli-ahli PEKERUPA untuk mengambil kesempatan ini untuk memahami lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif yang dijalankan dan bekerjasama dengan Sekretariat Tetap MPEC untuk sama-sama membantu anak buah kampung dalam meningkatkan kemahiran dan mencari pekerjaan.



**HADIR selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.**



**ANTARA yang hadir pada program tersebut.**

# KERJASAMA, USAHA KOLEKTIF BANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG



**TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Sulaiman semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta pada Majlis Penutup Seminar.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 30 Ogos. - Kita mesti mempertanggungjawabkan pemerdagangan, memastikan perlindungan mangsa dan mencegah keadaan yang memungkinkan pemerdagangan orang berikutan pemerdagangan orang merentasi sempadan, budaya dan latar belakang sosioekonomi.

Justeru, Seminar Membanteras Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksaan itu telah menekankan keperluan untuk bertindak, bersatu dan mewujudkan rangka kerja yang kukuh membongkar rangkaian yang mengeksploitasi golongan yang terdedah.

"Kita mesti meningkatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran, untuk mendidik rakyat, untuk menyiasat dan akhirnya untuk mendakwa penyeludup. Ini memerlukan kerjasama dan usaha kolektif daripada pelbagai agensi," ujar Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Haji Alidin semasa menekankan perkara demikian pada Majlis Penutup Seminar yang diadakan di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), di sini.

Timbalan Pesuruhjaya Polis yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut seterusnya menekankan bahawa perjuangan menentang pemerdagangan orang sedang giat dilaksanakan dan ke arah itu bersama-sama mengubahnya dengan kekuasaan yang ada.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil kepada perwakilan peserta daripada 70 penyertaan terdiri daripada agensi penguat kuasa undang-undang iaitu PPDB, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pejabat Peguam Negara.

Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa peserta mengenai dapatan daripada seminar antaranya Pegawai Imigresen Kanan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, menjelaskan bahawa dengan mengikuti seminar tersebut dapat meningkatkan lagi ilmu dan pengetahuannya mengenai kegiatan *human trafficking* melalui penerangan para penceramah yang cukup terperinci dan jelas terhadap kegiatan berkenaan.

Selain itu, Awang Mohamad Fauzi bin Basri juga menambah, seminar tersebut sangat berguna dan dipraktikkan di dalam tugasan hariannya iaitu membanteras dan mengenal pasti kegiatan *human trafficking* ini.

Sementara Dayang Sabrina binti Haji Mahmud menyatakan bahawa pemerdagangan orang adalah kebimbangan global yang telah berlaku di seluruh dunia.

Di sepanjang seminar itu, katanya, para pakar dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (US Department of Homeland Security) dan Jabatan Kehakiman (Department of Justice) Amerika Syarikat banyak mengongsikan amalan-amalan terbaik (*best practices*) berdasarkan daripada pengalaman mereka yang sangat luas di dalam menangani kes-kes pemerdagangan orang.

Penasihat Undang-undang di Pejabat Peguam Negara itu juga menegaskan, antara yang sering ditekankan ialah betapa pentingnya agar setiap individu sering berwaspada terhadap indikator pemerdagangan orang (*human trafficking indicators*) dalam sama-sama mencegah berlakunya kejadian sedemikian.

"Saya sangat bersyukur kerana berpeluang mengikuti dan menimba ilmu di seminar ini. Saya juga sangat menghargai usaha PPDB kerana menganjurkan seminar sebagai usaha untuk meningkatkan pengetahuan agensi-agensi penguatkuasaan terhadap isu-isu pemerdagangan orang," tambahnya.

Objektif seminar antara untuk menyediakan platform agar para peserta boleh menambah baik keupayaan untuk memahami dan mengenal pasti pemerdagangan orang dan kesan-kesan kepada mangsa dan juga untuk belajar mengenai cara membanteras jenayah pemerdagangan orang.



**TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Haji Alidin semasa berucap.**

# Program 'Ke Temburong Bisai' meriahkan cuti persekolahan

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TEMBURONG**, Khamis, 31 Ogos. - Bagi memeriahkan Daerah Temburong sempena musim cuti persekolahan, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong sekali lagi mengadakan Program 'Ke Temburong Bisai' Edisi Cuti Persekolahan selama empat hari bertempat di Padang Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran program tersebut ialah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung.

Program merupakan inisiatif atau usaha MPMK sebagai pengendali dalam memberikan peluang kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) untuk menjana pendapatan dan secara langsung meningkatkan penglibatan masyarakat di Daerah Temburong selain menggalakkan para pengunjung datang berbelanja di daerah ini.

Antara perisian Program 'Ke Temburong Bisai' pada kali ini, adalah aktiviti Jualan Keusahawanan Kampung yang terdiri daripada 66 peserta dari pengusaha 1K1P dan beberapa pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dari dalam dan luar daerah, Program Derma Darah, Sukan Ria, Jerayawara 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua', Walkaton Amal dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke Program 'Ke Temburong Bisai' Edisi Cuti Persekolahan dan ikut serta memeriahkan dan ikut serta di dalam aktiviti-aktiviti yang telah disediakan.



**PEGAWAI Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim semasa meninjau aktiviti yang disediakan dalam Program 'Ke Temburong Bisai' Edisi Cuti Persekolahan.**



PELITA BRUNEI

# TRANFORMASI DIGITAL MEMACU PERKEMBANGAN EKONOMI

**Siaran Akhbar : APEC Business Advisory Councils of Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos. - Forum Ekonomi Digital 2023, bertemakan 'Accelerating Digital Adoption in Brunei' menghimpunkan lebih 100 peserta sektor awam dan swasta untuk membincangkan kaedah mempercepatkan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Anjuran ASEAN dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), forum tersebut menyediakan platform untuk perbincangan mendalam tentang perjalanan transformasi digital Brunei dan implikasinya terhadap masa depan ekonomi negara.

Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ahli-ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN BAC) Brunei dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat-syarikat Adinin, Musa Adnin dan daripada Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) bagi Brunei dan Pengarah Eksekutif bagi Kumpulan Syarikat LVK, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Dalam ucapan beliau, Musa Adnin menekankan bahawa sektor swasta, termasuk ASEAN BAC, menyokong Integrasi Kewangan Kod QR ASEAN dan pengesahan rasmi Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN yang menggariskan komitmen rantau ini terhadap kemajuan ekonomi digital.

Cabaran seperti keselamatan siber dan celik digital ditangani secara proaktif untuk memupuk kepercayaan dan menarik pelaburan.

Beliau juga menyebut bahawa, menerima ekonomi digital memerlukan budaya inovasi dan kerjasama, mendorong kita ke arah masa depan digital yang dinamik dan berdaya tahan.

Seterusnya, Nik Hafimi menekankan dalam ucapan alu-aluannya bahawa, dalam menyokong usaha kerajaan-kerajaan APEC dalam memastikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) menjadi sebahagian daripada ekonomi digital, ABAC sektor swasta sedang memajukan pelan kerja yang memupuk kepercayaan, menangani keselamatan siber, menggalakkan peningkatan kemahiran tenaga kerja, meningkatkan kesihatan digital, dan memudahkan perdagangan digital rentas sempadan.

Ini menekankan dedikasi ABAC dalam memacu inovasi dan kemajuan, di mana tahun ini, ABAC melancarkan alat digital untuk PMKS mengakses pasaran global : Kit Alat Rantaian Bekalan PMKS (MSME Supply Chain Toolkit) mengukur daya tahan rantaian bekalan, dan Kit Keselamatan Siber (Cybersecurity Toolkit) yang membantu PMKS melakukan penilaian kelemahan mereka.

ABAC Brunei juga sedang mengusahakan MSME ESG Inclusion Framework, yang menunjukkan dedikasi mereka terhadap amalan mampan, memperkemas laporan ESG bukan kewangan untuk rantau APEC.

Perbincangan panel bermaklumat dikendalikan oleh Ketua Perkhidmatan Korporat, Dynamik Technologies, Rozana Yunos.

Ahli-ahli panel termasuk ketua industri Ketua Bahagian Maklumat & Teknologi Kumpulan di Bank Baiduri, Simon Hansman; Timbalan Pengarah Urusan Keselamatan Siber Brunei, Mohammad Azad Zaki Haji Mohd Tahir; Pengurus Kanan Perkhidmatan Teknologi Maklumat di Darussalam Assets, Apurv Sharma; Pengurus Negara Microsoft Brunei, Akfash Latibu; dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Pembayaran Digital Nasional, Hafiz Haslen.

Perbincangan tersebut meneroka perkembangan utama dalam landskap digital Brunei, mengenal pasti bidang untuk pertumbuhan, dan membincangkan strategi untuk memastikan perniagaan dari semua saiz dan segmen masyarakat menerima alat digital.

Para peserta juga mendapat manfaat daripada dua pembentangan interaktif, satu mengenai Dokumen Perniagaan dan Keselamatan Data oleh Damien Newn dari ASDS Sdn. Bhd. dan ceramah secara maya tentang 'The New Future of Work' oleh Vinod Muralidharan daripada Microsoft yang menyelidiki bagaimana kecerdasan buatan meningkatkan produktiviti dengan ketara di tempat kerja.

Forum ini berusaha untuk menonjolkan peluang besar, yang dipegang oleh ekonomi digital untuk perniagaan di Brunei, sambil membincangkan persediaan tentang cara untuk mencapai matlamat transformasi digital dengan berkesan.

Penceramah dan peserta membincangkan penyelarasan inisiatif digital negara dengan Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei 2025 dan Wawasan 2035, yang menekankan ekonomi digital sebagai pemacu penting untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan.

Forum juga menonjolkan kemajuan penubuhan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital (DEFA) ASEAN menjelang 2025, satu inisiatif yang bermula di bawah Pengerusi Brunei ASEAN pada 2021.

Forum tersebut membentangkan kerja badan sektor swasta APEC BAC yang relevan dengan keutamaan APEC 2023 untuk perdagangan digital, ekonomi digital dan penyertaan di bawah Pengerusi APEC Amerika Syarikat, yang menganjurkan Bulan Digital bermula dari 29 Julai hingga 21 Ogos 2023, bertemakan 'Building a Digital Pacific for All'.

Forum Ekonomi Digital 2023 ialah elemen Program Ekonomi Brunei yang dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama MOFE dan dengan kerjasama Darussalam Assets, Bank Baiduri, Brunei LNG, Hengyi Industries, BIBD, Brunei Gas Carriers, Brunei Shell Petroleum, Mitsubishi, TotalEnergies, Imagine, Brunei Fertilizer Industries dan Brunei Methanol Company serta menerajui organisasi sektor awam dan swasta untuk menghubungkan keutamaan APEC dan ASEAN dengan perniagaan masyarakat.

# Kesedaran, kefahaman akan kepentingan PSI dipertingkatkan

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Khamis, 31 Ogos. - Dengan membawakan tema 'Enabling Breastfeeding : Making A Difference for Working Parents', Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (PSI) merupakan aktiviti tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu berkaitan susu ibu.

Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Minggu PSI dengan menganjurkan sambutan berjadual di setiap hospital daerah dan pusat-pusat kesihatan.

Di Daerah Tutong, majlis telah berlangsung di Hospital engiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) dan dihadiri oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Abdul Afiq bin Ahmad Mahmud yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman dan sesi perkongsian seorang ibu yang telah berjaya menyusukan anak damit secara eksklusif, Dayang Elfy Nurfazleen binti Haji Ali, bertugas sebagai Jururawat di Unit Kecemasan dan Kemalangan, Tutong.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Dayang Hajah Azizah binti Haji Idris selaku Pengerusi Majlis bagi mengongsikan objektif dan hasrat yang ingin dicapai oleh Kementerian Kesihatan melalui Sambutan PSI, iaitu memastikan setiap ibu yang melahirkan anak memberikan PSI secara eksklusif selama enam bulan dan meneruskannya sehingga anak berusia 2 tahun.

Selain itu, untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai akan kepentingan PSI ke arah pembangunan insan yang mulia, cerdas, yakin, taat, penyayang, rapat dengan ibunya serta bersifat tidak membazir di mana semua ciri ini telah dibuktikan dengan kejayaan pemberian PSI.

Untuk menjadi *exclusive breastfeeding mothers* atau ibu-ibu yang memberikan PSI sepenuh masa memang akan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan selaku seorang wanita yang bekerjaya, disebabkan kesibukan, ketiadaan tempat sesuai untuk mengepam susu ibu, bertugas secara berjadual yang menyebabkan kelelahan, kurangnya sokongan daripada suami, rakan-rakan setugas dan pegawai-pegawai atasan di tempat kerja juga, merupakan antara faktor yang menyebabkan penurunan kadar PSI secara eksklusif.

Sehubungan itu, tema tahun ini menumpukan perhatian terhadap PSI dan kaitannya kepada ibu bapa yang bekerja di mana ia khusus disasarkan kepada pihak kerajaan, penggubal dasar, sistem kesihatan, tempat kerja, masyarakat dan ibu bapa sendiri untuk mewujudkan persekitaran mesra PSI dalam kehidupan kerja.

"Oleh itu, saya ingin menyeru kepada ibu-ibu yang bakal melahirkan supaya dapat bersedia mental dan fizikal dalam mencapai usaha menyusukan anak damit secara eksklusif sekurang-kurangnya enam bulan setelah kembali bekerja nanti," katanya mengakhiri ucapan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh tetamu kehormat kepada ibu-ibu yang berjaya memberikan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan ke atas dan kepada bakal-bakal ibu yang akan melahirkan cahaya mata.

PSI disambut di seluruh dunia pada setiap 1 hingga 7 Ogos sejak 1991 dan tahun ini menggunakan tema 'Enabling Breastfeeding : Making A Difference for Working Parents'.




**PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif, Abdul Afiq bin Awang Mahmud semasa menyerahkan cenderahati kepada salah seorang ibu yang diraikan pada Majlis Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (PSI).**



**IBU-IBU yang berjaya memberikan penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan ke atas dan bakal-bakal ibu yang akan melahirkan cahaya mata diraikan pada Majlis Minggu PSI Sedunia.**

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

**MAKLUMAT LANJUT** MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak.**



## PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
5. **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PEGAWAI MELESEN** C.2-3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2023/AUG/31 | JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI | 03 | 7(A) | 09 SEPTEMBER 2023 |
| 2. | **GURU UGAMA TERLATIH** G.2 (BAHAGIAN III) 2023/AUG/33 | JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA | 57 | 7(A) | 09 SEPTEMBER 2023 |
| 3. | **PENYELIA ASRAMA TINGKAT III** D.3-4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) 2023/AUG/29 | JABATAN-JABATAN KERAJAAN | 02 | 7(A) | 11 SEPTEMBER 2023 |
| 4. | **TUGASAN PENYEDIAAN MAKANAN** F.1-2-3 EB.4 / F.3-4 EB.5 / F.4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2023/AUG/16 | JABATAN-JABATAN KERAJAAN | 01 | 7(A) | 7(A) |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

---

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KP(MC)SUT / 6.12

Tajuk Sebut Harga :
Sebut harga Bagi Pengendalian Kursus Latihan ISO 9001:2015 Quality Management System (QMS) Di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 September 2023.
Jam : 2.00 Petang.

---

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 34 / 2023

Tajuk Tawaran :
Penswastaan Bagi Tempoh Satu [1] Tahun Kerja-Kerja Pembersihan, Mengutip dan Membuang Sampah Bertempat Letak Kereta Kampung Sungai Bunga, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 35 / 2023

Tajuk Tawaran :
Penswastaan Bagi Tempoh Satu [1] Tahun Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan-Kawasan dan Pemeliharaan Bangunan Persekitaran Pasar Pantai Jerudong, Mukim Sengkurong, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 38 / 2023

Tajuk Tawaran :
Preventive Maintenance Rates For Fire Protection System At New Building and Old Building, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam For the Period Of One [1] Year

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa,
19 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 99 / 23 - 24 - Perkhidmatan Penggambaran, Dan Penyuntingan Penerbitan Dua Rancangan Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga :
AVSEC / 2023-2024 / SH-05

Tajuk Sebut Harga :
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Di Jabatan Penerbangan Awam

Tarikh Tutup / Jam :
Rabu,
6 September 2023
sebelum jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga, Aras Bawah,
Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.

---

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

1. Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 94 / 23 - 24
- Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Drama TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

2. Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 95 / 23 - 24
- Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Drama TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023,
jam 2.00 Petang.

---

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 24 / 2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Repairworks to Toilet At Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kampung Bukit Bendera, Tutong TA1341, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada
Selasa,
12 September 2023.
jam 2.00 Petang.

---

## PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2023 / 8 / 6

'The Upgrading and Renovation Including Supply and Installation Of Furnishes and Fix For Main Doors and Emergency Doors, Ground Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam'

Tarikh Tutup :
Selasa,
12 September 2023
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.

---

## BIRO MENCEGAH RASUAH

1. Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 13 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Membaik Pulih dan Pengubahsuaian Bilik Fitness, Dapur dan Pintu Laluan ke Tandas dan Dapur / Bilik Fitness di Dewan Riadah Biro Mencegah Rasuah.

2. Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 14 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :
Supply, Deliver, Install, Testing and Commissioning of PABX System For Anti-Corruption Bureau, Prime Minister Office.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 September 2023.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 36 / 06

Nama Sekolah Arab :
Sekolah Ugama Penanjong, Tutong I,

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Syarat-Syarat, Panduan Dan Maklumat :

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu,
27 Safar 1445H /
13 September 2023M.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 89 / 23 - 24
- Perkhidmatan Penggambaran Dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan Tv, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Sebut Harga :
ATELS / 2023 / SH-19

Sebut Harga Bagi The Supply and Install Of Power-Plus On Line Rack Mount Interrupted Power Supply At Puni and Labu For Air Traffic Service Centre.

Tarikh Tutup :
13 September 2023 (Rabu).

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Bilangan Tawaran :
KK / 169 / 2023 /
ESTETRIPASH(TC)

Keterangan :
Term Contract For Disposal Of Clinical Waste Including Collection Transportation and Incinerate Services From Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Two (2) Years.

Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan.

Yuran Tawaran :
BND500.00

Bilangan Tawaran :
KK / 177 / 2023 / UPP (TC)

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services For Wards, Clinics and Unit At Main Block Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years.

Yuran Tawaran :
BND100.00

Bilangan Tawaran :
KK / 180 / 2023 / PHARM

Keterangan :
The Supply and Delivery Of Medicines For the Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health.

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 181 / 2023 / UPP (TC)

Keterangan :
The Management and Operation Of Car Park For Main Building and Women and Children Centre Of Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Ripas) Hospital For A Period Of Three (3) Years.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 102 / 23 - 24 - Supply and Delivery Of RTB Programme Planning and Scheduling Management System Servers

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
27 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Tajuk Sebut Harga :
KKBS / OBBD / F-004 (02-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Re-Quotation Membekal Peralatan / Perkakas Tali Menali Bagi Mengendalikan Kegiatan / Aktiviti di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :
7 September 2023 (Khamis)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran : BND500.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 12 September 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 101 / 23 - 24 - Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning and Training Of System For Video Encoding, Decoding, Streaming and Transcoding Of Live Video Feed

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
27 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Jabatan Perhutanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

(i) Tawaran :
JPH / 1102-002 / TAW / 374 / 2023 - 2024 : Menyediakan Firebreak di Sempadan Hutan Simpan Arboretum.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar) :
BND10.00
Borang Tawaran : BND15.00
Yuran Tawaran : BND55.00
Tidak dikembalikan.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 100 / 23 - 24 - Pembuatan Set Bagi Program Hiburan TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 96 / 23 - 24 - Perkhidmatan Penggambaran, Penyuntingan dan Sewa Studio Bagi Rancangan Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan Tv, Radio Televisyen Brunei.

Bayaran Yuran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*).

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Daerah Brunei Muara

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 97 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 1 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di Bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Serasa
2. Sekolah Rendah Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Muara
3. Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampung Serasa, Muara
4. Flat Perumahan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Kampung Serasa, Muara
A) Flat Kelas F SM Pengiran Isteri Hajah Mariam (12 Unit)
5. Pusat Tingkatan Enam Meragang
6. Sekolah Rendah Tanah Jambu
7. Sekolah Rendah Haji Mohammad Salleh Sungai Hanching
8. Sekolah Rendah Kapok
9. Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali
10. Flat Perumahan SM Sultan Sharif Ali
A) Flat Kelas F SM Sultan Sharif Ali (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 98 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 2 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Anggerek Desa
2. Flat Perumahan SR Anggerek Desa
A) Flat Kelas F Blok A Dan B, SR Anggerek Desa (6+6 Unit)
3. Sekolah Rendah Pulaie
4. Sekolah Sukan Jalan Pulaie
B) Asrama Lelaki Dan Perempuan Sekolah Sukan
5. Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna
6. Sekolah Rendah Amar Pahlawan
7. Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan
8. Sekolah Menengah Menglait

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran/Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 99 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 5 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak
2. Flat Kelas F Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak
3. Sekolah Rendah Dato Othman
4. Sekolah Menengah Lambak Kiri

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 100 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 6 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah
A) Asrama Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah
2. Perumahan Kementerian Pendidikan Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah
A) Flat Kelas B JKR 1002 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (6 Unit)
B) Flat Kelas C Blok C4 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (12 Unit)
C) Flat Kelas C Blok C5 Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah (12 Unit)
D) Barek Kelas G Blok A Dan B, Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al- Muhtadee Billah (16 + 16 Unit)
3. Banglo C5 Jabatan Pendidikan Khas Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah
4. Banglo C10 Unit Pemeliharaan Padang Dan Kawasan, Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah
5. Banglo C14 Jabatan Pendidikan Khas, Kawasan Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 101 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 9 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Blok J, Kondominium Ong Sum Ping
2. Sekolah Rendah Mabohai
3. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri
4. Flat Perumahan Jalan Ong Sum Ping
A) Flat Kelas F Blok 5 Ong Sum Ping (6 Unit)
B) Flat Kelas F Blok 6 Ong Sum Ping (6 Unit)
5. Tasek Apartment Jalan Tasek Lama Blok A Dan Blok B (96 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 102 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 13 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Flat Kelas E Blok EF 18 Perumahan Beribi (8 Unit)
2. Flat Kelas E Blok EF 19 Perumahan Beribi (8 Unit)
3. Flat Kelas E Blok EF 20 Perumahan Beribi (8 Unit)
4. Flat Kelas E Blok EF 21 Perumahan Beribi (8 Unit)
5. Flat Kelas E Blok EF 22 Perumahan Beribi (8 Unit)
6. Flat Kelas E Blok EF 25 Perumahan Beribi (8 Unit)
7. Flat Kelas E Blok EF 26 Perumahan Beribi (8 Unit)
8. Flat Kelas E Blok EF 27 Perumahan Beribi (8 Unit)
9. Flat Kelas E Blok F 11 Perumahan Beribi (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 103 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 14 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Beribi Telanai
2. Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut
3. Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas
4. Sekolah Rendah Bengkurong
5. Flat Kelas E SR Bengkurong (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 104 / 2023 / 2024
[UPPK-OGOS-2023]

Keterangan :
BM Zon 16 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi :

1. Sekolah Rendah Sengkurong
2. Sekolah Rendah Awang Hj Mohd Yusof, Katimahar
3. Sekolah Rendah Jerudong
4. Sekolah Menengah Sayyidina Husain
5. Flat Kelas C, Kawasan Sekolah Menengah Sayyidina Husain (6 Unit)

Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Daerah Brunei Muara

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
9 September 2023.
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

## JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Tawaran :
"Projek Pembekalan dan Perkhidmatan Kereta Rasmi di Bawah Kawalan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
3 Oktober 2023.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / GEN / 003
[JPPK / LTK / 02 / 2023]
Minor Repair Works to 3 Units At Pangsa Idaman, Jalan Batu Satu

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KA01, B01, E01, E02 & KPB02

Tempoh Penyiapan Kerja :
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 5 September 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 12 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran 1 :
JBBSB / SH / 2023 - 2024 / 33 / BKB / 12

Tajuk :
Two Years (24 Months) Term Contract Management Of Water Feature At:
1. Mercu Dirgahayu 60 Jalan Mc Arthur, Bandar Seri Begawan
2. Tugu Cendera Kenangan, Taman Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Jalan Sultan Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Tarikh Tawaran :
24 Ogos 2023 - 7 September 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 7 September 2023.
Jam 2.00 Petang.

# ISLAM TAMBAT HATI MUHAMMAD KHAIRUL NIZAM





**TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman dan seterusnya menyampaian cenderamata kepada Awang Muhammad Khairul Nizam bin Abdullah Langan (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, Majlis Pengislaman bagi Khairul Nizam @ Gimang anak Langan yang diadakan di Flat Polis Kawalan Diraja Beribi.**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERIBI**, Jumaat, 1 September. - Syiar Islam terus berkembang dengan bertambahnya saudara-saudara baharu di negara ini yang memilih agama suci Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Sehubungan itu, jumlah saudara baharu meningkat lagi apabila seorang lelaki berbangsa Iban memilih Islam sebagai agama baharunya setelah melafazkan dua kalimah syahadahnya pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Flat Polis Kawalan Diraja Beribi, petang tadi.

Ikrar pengislaman bagi Khairul Nizam @ Gimang anak Langan, 25 tahun berlangsung di hadapan pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis pengislaman tersebut ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan saudara baharu berkenaan.

"Saya memilih ugama Islam kerana ingin mendalami lagi mengenai agama suci ini. Hasrat untuk memeluk Islam juga adalah kerana pergaulan harian saya yang sering dikelilingi oleh rakan-rakan dan saudara mara yang beragama Islam," ujarnya yang kini dikenali sebagai nama Islam sebagai Muhammad Khairul Nizam bin Abdullah Langan.

Menurut Unit Pengislaman, PDI sepanjang bulan Januari hingga 31 Julai 2023, seramai 242 orang saudara-saudara baharu telah memeluk agama Islam di seluruh negara.

Sementara itu, jumlah saudara-saudara baharu dicatatkan sepanjang tahun 2022 ialah seramai 450 orang di seluruh negara.




## DARI MAHKAMAH

# Miliki barang tegahan : Lelaki tempatan dijatuhkan hukuman

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 31 Ogos.- Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda berjumlah BND31,300 atau 20 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda, setelah mengaku bersalah kerana memiliki barang tegahan.

Hakim Harnita Zelda Skinner menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Salwadi, 45 tahun atas tiga pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan Seksyen 140(1)(d) Perintah Kastam 2006.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Pengkuatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di salah sebuah rumah di kawasan Jalan Lambak Kiri.

Bagi pertuduhan pertama, defendan didapati memiliki 182 biji *vape juice* pelbagai jenis dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND16,300 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda.

Manakala bagi pertuduhan kedua, defendan didapati memiliki sebanyak 203 biji aksesori *vape* pelbagai jenis dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND7,000 atau tujuh pemenjaraan jika gagal membayar denda.

Pertuduhan ketiga pula atas kesalahan memiliki sembilan biji aksesori *vape* pelbagai jenis, defendan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND8,000 atau lapan bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda.

Semua barang-barang yang terlibat iaitu *vape juice* dan aksesori *vape* dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Manakala wang tunai terlibat hasil penjualan *vape* sebanyak BND478 juga dirampas untuk diserahkan ke kerajaan.

# 26 pelajar program biasiswa Hengyi, IBTE berlepas ke Lanzhou



**SERAMAI 26 pelajar di bawah program biasiswa bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. dan IBTE, berlepas ke Republik Rakyat China bagi mengikuti pengajian mereka di Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology (Lanzhou).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 Ogos. - Seramai 26 pelajar berlepas ke Republik Rakyat China bagi meneruskan pengajian mereka di Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology (Lanzhou) sebagai sebahagian daripada pengajian di bawah Program Biasiswa Bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Para pelajar sepatutnya memulakan pengajian mereka di Lanzhou pada akhir tahun lalu, namun ia terpaksa ditangguhkan berikutan cabaran pandemik COVID-19.

Namun begitu, para pelajar tetap meneruskan pembelajaran mereka dengan mengikuti kelas secara dalam talian, bagi memastikan usaha akademik mereka kekal tanpa gangguan.

Teruja dengan peluang baharu yang akan datang, Shaiful Amiruddin bin Rasid, salah seorang penerima biasiswa IBTE berkongsi, "Saya percaya bahawa belajar di luar negara adalah peluang besar untuk saya merasai pengalaman dan budaya baharu. Ia juga pastinya satu peluang besar bagi kami untuk mengasah kemahiran khusus kerjaya kami, dengan menggunakan kemudahan yang mereka ada di Lanzhou".

Seorang lagi penerima biasiswa, Dayang Siti Nadhirah binti Haji Norman, mengongsikan pandangannya yang mana beliau berasa teruja dan pada masa yang sama juga mencabar disebabkan berjauhan daripada ibu bapa, namun ia adalah peluang besar untuk berdikari dan meningkatkan kemahiran komunikasi sosial.

Program Biasiswa Bersama Hengyi Industries dan IBTE menawarkan penerima diploma tiga tahun dalam Operator Penapisan (Refinery Operator), di mana mereka akan menjalani pengajian akademik satu tahun di IBTE Kampus Jefri Bolkiah, diikuti dengan satu tahun pengajian di luar negara di Lanzhou.

Pada tahun akhir, mereka akan menjalani latihan sambil bekerja dengan Hengyi Industries di Pulau Muara Besar. Setelah tamat pengajian program itu nanti, para pelajar dijangka akan menyertai Hengyi Industries dan memulakan kerjaya mereka dalam industri petrokimia.

# Sertai Kempen Derma Darah pada 2 September 2023

**Siaran Akhbar dan Infografik : Radio Televisyen Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 30 Ogos. - Radio Televisyen Brunei (RTB) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan Kempen Derma Darah bersempena Ulang Tahun Perkhidmatan TV Brunei Ke-48.

Kempen akan diadakan pada Sabtu, 2 September 2023 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi (sesi pagi) dan 1.30 petang hingga 3.00 petang (sesi petang) yang akan diadakan di Bilik VIP, Bangunan Utama, Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk menderma darah semasa kempen itu nanti.




# NBD CAPAI KELAJUAN JALUR LEBAR SEHINGGA 500MBPS

**Siaran Akhbar dan Infografik : Unified National Networks**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Industri Telekomunikasi Brunei kekal teguh dalam keutamaannya ke arah meningkatkan rangkaian telekomunikasi negara, produk dan perkhidmatan dengan tujuan menyeluruh untuk meningkatkan pengalaman internet untuk pengguna dan perniagaan tempatan.

Melalui usaha kerjasama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI); Kumpulan Syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA); Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Imagine Sdn. Bhd.; Progresif Sdn. Bhd. dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), kelajuan garis dasar jalur lebar tetap untuk semua pelanggan telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 100Mbps, hari ini.

Peningkatan kelajuan jalur lebar tetap kepada 100Mbps sehingga 500Mbps *bandwidths* membolehkan kelajuan penghantaran yang lebih pantas dan membantu meningkatkan pengalaman internet pelanggan untuk aktiviti dalam talian seperti menyemak imbas *web* dan menstrim kandungan berkualiti tinggi, ia juga memastikan semua peranti boleh beroperasi dengan lancar serentak.

Ini merupakan inisiatif kedua di bawah Program Peningkatan Jalur Lebar Tetap daripada Industri Telekomunikasi Brunei untuk memperkukuh lagi pendigitalan ekonomi Brunei selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2024 dan Wawasan Brunei 2035 untuk mengubah Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi sebuah Negara Pintar.

Program peningkatan jalur lebar adalah pengumpulan pelaburan ke arah pemodenan dan gentian (*fibre*) infrastruktur rangkaian negara sejak Januari 2020 serta dedikasi dan kerja keras dari lapangan, operasi dan pasukan rangkaian untuk memastikan seluruh negara dan rakyatnya menerima keadaan perkhidmatan seni dan ketersambungan digital (dalam talian) yang setanding dengan piawaian serantau dan global.

Melalui peningkatan kecekapan dan operasi ini, pelanggan mendapat manfaat daripada internet berkelajuan tinggi daripada 100Mbps sehingga 500Mbps pada harga yang berpatutan, setanding dengan negara serantau. Pelanggan yang sedia ada juga akan dipindahkan ke jalur lebar yang lebih tinggi tanpa kos tambahan.

Laporan Global Median Speed terkini daripada Ookla telah meletakkan NBD di kedudukan nombor ke-94 berbanding tahun lepas (ke-100 pada peringkat global).

Ini adalah bukti penambahbaikan yang dilakukan pada rangkaian nasional NBD dan kadar penembusan dalam talian di dalam rumah komuniti setempat. Adalah diharapkan dengan peningkatan kedua, kedudukan NBD dapat terus meningkat dari segi piawaian serantau dan kedudukan dalam Indeks Global Median Speed.

Dengan peningkatan lebar jalur 100Mbps sehingga 500Mbps, pengguna diingatkan untuk mempertimbangkan faktor yang boleh memberi kesan kepada pengalaman internet yang optimum dalam keselesaan rumah mereka seperti yang dipaparkan pada infografik yang disediakan.

"Kami komited untuk memastikan bahawa naik taraf ini tidak rumit - peralihan yang lancar, tiada komplikasi - hanya pengalaman dalam talian yang lebih pantas dan menyeronokkan untuk pelanggan kami.

"Dengan peningkatan kelajuan baharu, ini akan memperkasakan pelanggan kami untuk merangkul alam digital dengan kemudahan dan kecekapan yang tiada tandingannya," ujar Pemangku COO, DST, Ang Kian Han.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine dan Pengarah Bahagian Ekosistem Perniagaan dan Industri Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On menambah bahawa Imagine percaya bahawa peningkatan ketersambungan terbaharu ini akan memberi sumbangan besar kepada NBD ke arah mencapai aspirasi Negara Pintar dan Wawasan Brunei 2035.

"Kami akan terus memperbaharui produk dan menyampaikan perkhidmatan bagi membolehkan industri tempatan memanfaatkan ICT untuk terus berkembang.

"Dengan pelan baharu yang dipertingkatkan, pengguna akan menikmati akses yang berpatutan, pantas dan boleh dipercayai kepada sambungan internet sama ada di rumah, di tempat kerja atau semasa bergerak.

"Berdasarkan pencapaian tahun lepas, Progresif bersedia untuk meningkatkan lagi pengalaman dalam talian untuk pelanggan kami yang dihargai sekali lagi. Pada tahun ini, tumpuan utama kami adalah untuk memudahkan pilihan yang tersedia untuk pelanggan kami.

"Kami berdedikasi untuk meningkatkan pilihan mereka sambil memudahkan keputusan. Selaras dengan agenda kebangsaan, matlamat kami adalah untuk memberi mereka akses kepada kelajuan yang lebih baik dan kuota data yang lebih besar, semuanya pada harga yang berpatutan.

"Ini semua mengenai pilihan pelanggan kami dan memberi mereka pengalaman terbaik untuk memilih dan memperibadikan pengalaman internet mereka," jelas Pegawai Eksekutif (CEO) Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Dunia sedang menyesuaikan diri dengan sambungan digital pada kadar yang luar biasa dengan jangkaan bahawa internet akan terus berkembang pada kadar 27,000 pengguna baharu setiap jam pada tahun 2023.

NBD menduduki tempat ketiga di rantau Asia Tenggara dalam Pulse Internet Resilience Index (IRI) yang dikeluarkan baru-baru ini bagi masyarakat internet. Ketahanan internet bermakna mengekalkan tahap perkhidmatan dan sambungan yang boleh diterima walaupun terdapat kerosakan dan cabaran terhadap operasi biasa.

Dengan peningkatan kelajuan jalur lebar 100Mbps sehingga 500Mbps dan konsep pembuktian 1 gigabit baru-baru ini, Industri Telekomunikasi Brunei akan terus melabur dalam transformasi ekosistem dalam negara, mendorong penduduk ke arah yang lebih terhubung dan digital pada masa depan bersepadu dan mendekatkan negara untuk menjadi masyarakat gigabit.



# BEBERAPA JENAMA TELEFON TIDAK DAPAT BUAT PANGGILAN TALIAN KECEMASAN

**Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengambil maklum bahawa pengguna beberapa model telefon mudah alih daripada jenama tertentu; Xiaomi, Redmi, Poco, MI dan Google, mungkin tidak dapat membuat panggilan ke Talian Kecemasan negara iaitu 991, 993, 995 dan 998.

Walaupun model telefon mudah alih yang tersebut boleh berhubung dengan baik dengan nombor tiga digit tempatan sedia ada yang lain, namun panggilan terputus apabila mana-mana talian kecemasan (99X) didail.

Masalah ini turut dialami oleh pengguna telefon bimbit dari pelbagai negara, apabila mendail talian kecemasan negara masing-masing.

Sehubungan itu, AITI ingin menasihatkan orang ramai yang menggunakan model telefon mudah alih daripada jenama Xiaomi, Redmi, Poco, MI dan Google, untuk menambah tanda '+' di hujung digit ketiga talian kecemasan 99X tanpa ruang yang sepatutnya bagi membolehkan mereka membuat panggilan talian kecemasan.

Semua peruncit telefon mudah alih daripada tempatan yang menawarkan model telefon mudah alih daripada jenama Xiaomi, Redmi, Poco, MI dan Google untuk dijual, digalakkan untuk memaklumkan maklumat ini kepada pelanggan mereka.







# Burung Berkek

**Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**KENALI** Hidupan Liar Kitani untuk kali ini menyelam ke dalam dunia yang menarik burung berkek atau "Greater Painted Snipe" yang hebat.

Burung Berkek menggunakan nama saintifik *Rostratula benghalensis*. Nama ini menggambarkan ciri-ciri burung dan asal-usulnya, di mana spesis burung ini mula dijumpai di wilayah Bengal, India dan telah lama menjadi spesis yang bermastautin di Kepulauan Borneo.

Burung Berkek jantan dan betina, mempamerkan penampilan yang berbeza. Burung jantan mempamerkan kombinasi menarik antara warna bulu coklat dan hitam, dengan tanda putih yang menakjubkan pada sayapnya. Burung Berkek betina, sebaliknya, mempamerkan warna dan rupa yang lebih mudah untuk ianya menyamar, yang membantu mereka menghilangkan diri tanpa dikesan ke dalam habitat tanah lembap di mana mereka selalunya bermastautin. Kedua-dua jantina mempunyai "koma" putih terang di sekeliling mata dan bahagian bawah putih yang memanjang ke atas dalam lengkok di atas bahu.

Apabila bercakap tentang tabiat pemakanan, Burung Berkek adalah benar-benar unik. Tidak seperti kebanyakan burung lain, ia tidak menggunakan paruhnya untuk mematuk makanannya secara langsung. Sebaliknya, ia menggunakan paruhnya yang terbentuk khusus untuk memeriksa dan mencari serangga akuatik, krustasea dan invertebrata kecil lain yang bersembunyi di kawasan tanah lembap.

Burung Berkek mempunyai keupayaan yang menakjubkan untuk melakukan lakonan "sayap patah" untuk mengalihkan perhatian pemangsa dari sarangnya. Ini adalah taktik yang bijak untuk melindungi telur dan anak-anaknya daripada sebarang ancaman.

Burung-burung ini memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem di kawasan tanah lembap. Dengan memakan serangga dan makhluk kecil, mereka membantu mengawal populasi yang sebaliknya boleh menjadi tidak terkawal dan mengganggu keseimbangan habitat yang sensitif ini.

Burung Berkek juga berfungsi sebagai spesis penunjuk. Kehadiran dan tingkah laku mereka boleh memberikan pengesan atau indikasi yang berharga tentang kesihatan persekitaran kawasan tanah lembap. Oleh yang demikian, dengan melindungi burung-burung ini, kita juga menjaga kesejahteraan keseluruhan ekosistem tempatan kitani.

Menurut Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN), burung ini kini disenaraikan sebagai "Kurang Dikhuatiri," yang bermaksud, buat masa ini, populasinya kelihatan stabil dan tidak berisiko serta-merta. Dan dari segi peraturan perdagangan antarabangsa, Burung Berkek juga dilindungi oleh Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES), memastikan bahawa sebarang potensi perdagangan dipantau dengan teliti untuk mengelakkan kesan negatifnya kepada populasi spesis Burung Berkek.

Sila ikuti setiap keluaran Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesis hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesis tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara Hutan Kitani.

**Awang Asmali Bin Asli, Pemenang tempat kedua, Kategori Burung, BWPC 2022, JPH**

**Kelas spesis :** Burung, **Order :** Charadriiformes

**Nama Tempatan :** Burung Berkek / Burung Meragi Biasa (Singapura)

**Nama Saintifik :** *Rostratula benghalensis*

**Saiz :** 23-26 sentimeter

**IUCN :** *Least concern* / kurang dikhuatiri

**CITES :** Tidak tersenarai

# Kejayaan diraih menjadi Qudwah Hassanah

Oleh dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



## Awang Muhammad Najmi Safwan bin Abdullah,

Sarjana Muda Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam.

"**SYUKUR** ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana saya telah berjaya menamatkan pengajian selama empat tahun di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan kegembiraan itu juga dapat dirasakan oleh kedua ibu bapa dan keluarga saya atas kejayaan yang diperolehi. Perancangan di masa hadapan adalah untuk memperolehi pekerjaan yang baik dan dapat berbakti kepada bangsa dan negara."



## Awang Muhammad Fuad bin Matahir,

Sarjana dalam Perbankan dan Kewangan Islam (Penyelidikan), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam.

"**ALHAMDULILLAH**, saya sangat gembira atas kejayaan ini. Ia bukan perjalanan yang mudah, selaku seorang sukarelawan di WeCare dan juga Badan Sukarelawan Belia Da'ie, bekerja sampingan sebagai Guru Al-Quran, meneruskan pelajaran ke peringkat sarjana adalah satu cabaran yang memerlukan komitmen yang berterusan dan semangat yang tidak lentur. Bersyukur ke hadrat Allah atas segala kemudahan dan kelancaran yang dikurniakan sehingga selesainya penulisan tesis sarjana saya. Saya juga amat berterima kasih kepada isteri saya yang sering memberikan motivasi, semangat dan dorongan agar terus menyelesaikan tesis walaupun ada komitmen yang lain.

Harapan saya ialah semoga penyelidikan mengenai zakat di Negara Brunei Darussalam bermanfaat untuk ummah serta pelajar-pelajar di luar sana, siapapun mereka, lepasan sarjana muda dari pelbagai latar belakang untuk tidak berputus asa dan teruskan belajar walaupun bukan ke pringkat sarjana dan doktor falsafah, tetapi belajar itu sahaja amat penting kerana kita harus sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran agar menjadi peneraju bangsa, negara dan agama kita. Saya juga berharap, dengan apa yang saya lakukan ini dapat menjadi satu *qudwah hassanah* (contoh terbaik) bagi yang lain dan menjadi mukmin yang sentiasa menebarkan manfaat di mana pun saya berada dengan menggunakan potensi yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala."



## Awang Abd Rahim bin Haji Mohd Arsat,

Sarjana Muda Usuluddin Akidah & Dakwah, Fakulti Usuluddin.

"**ALHAMDULILLAH**, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang untuk menamatkan empat tahun perjalanan menimba ilmu di dalam jurusan Usuluddin Akidah dan Dakwah di UNISSA.

Perasaan yang tidak mungkin dapat diungkapkan di dalam sepotong ayat. Namun, tiada perasaan lebih kuat melainkan rasa syukur dan lega menamatkan pelajaran sarjana muda dan perasaan gembira dan bangga terhadap diri sendiri di atas pencapaian yang diperolehi sepanjang berada empat tahun di UNISSA, bukan setakat dari ilmunya namun dari pengalaman-pengalaman yang diperolehi yang mana barangkali tidak akan saya perolehi di tempat lain insyaAllah.



## Dayang Nur Faizah binti Mohamad Khairol Azmi,

Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

"**ALHAMDULILLAH**, saya rasa amat bersyukur dengan nikmat ilmu dan inayah yang telah Allah berikan, juga bersyukur dengan dorongan dan doa dari ayah ibu yang tidak pernah putus, keluarga, para pensyarah serta rakan seperjuangan di UNISSA. Kejayaan ini tidak akan berhasil tanpa bimbingan mereka semua. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama atas penganugerahan biasiswa peringkat sarjana muda ini. Saya berharap semoga dengan ilmu dan pengalaman yang dipelajari sepanjang pembelajaran dapat diterapkan di dalam kehidupan sebagai seorang penuntut ilmu sepanjang hayat dan seterusnya menabur bakti kepada agama dan negara dalam setiap aspirasi yang ingin dicapai.

InsyaaAllah, saya akan terus meneroka pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi seorang insan yang bermanfaat."



## Dayang Nurzianatul Rasyidah binti Nasib,

Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban.

"**SAYA** berasa berbesar hati kerana dapat menamatkan pengajian saya sebagai kemasukan kedua yang mengambil Sarjana Muda Sains Halal di UNISSA. Sememangnya rasa teramat gembira dan dengan pertolongan serta bimbingan yang tidak terhingga dari Allah Subhanahu Wata'ala, saya bersyukur kerana dapat bergelar sebagai graduan. Alhamdulillah, Allah telah mempermudahkan kami yang memilih untuk terus menerus mencari ilmu.

Tiada apa-apa melainkan sentiasa berharap dan berdoa agar apa yang kita lakukan di dunia ini, termasuklah menimba ilmu, adalah untuk mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

InsyaaAllah, saya dan juga semua daripada jurusan Sains Halal yang bakal menjadi cendekiawan Halal, boleh menyumbang dalam mendirikan dan mengukuhkan Brunei untuk menjadi hab halal yang maju serta futuristik. Semoga dengan majunya industri halal ini, boleh meneguhkan lagi pelaksanaan Maqasid Syariah di Brunei."



## Dayang Yumni Farwizah binti Mohammad,

Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Dakwah), Fakulti Usuluddin.

"**SEGALA** puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan nikmat dan memperluaskan rezeki, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga saya telah berjaya menamatkan pengajian saya selama empat tahun berada di UNISSA, Negara Brunei Darussalam.

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kedua ibu bapa saya serta keluarga saya kerana tidak pernah jemu memberikan dukungan dan dorongan sepanjang pengajian saya. Alhamdulillah, tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada para asatiz dan asatizah yang sentiasa memberikan bimbingan, tunjuk ajar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan.

Semoga amalan yang dicurahkan terus mengalir seiring dengan bermanfaatnya ilmu yang diterapkan kepada kami semua.

Harapan saya daripada hasil kejayaan ini adalah agar dapat dikongsi sama ilmu-ilmu yang diperolehi dan memberi manfaat kepada masyarakat amnya. Selain itu, saya juga berharap mencari peluang untuk mempertingkatkan strategi penyampaian dakwah yang lebih berkesan serta dapat memperluaskan perlaksanaan dakwah dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

InsyaAllah, saya berhasrat ingin melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Psikologi Dakwah dan seterusnya ke peringkat doktor falsafah bagi mengenalpasti hubungkait di antara keduanya serta mendalami pelbagai methodologi penyampaian dakwah.

Semoga dengan hasrat ini mampu memberikan inspirasi dan contoh yang terbaik kepada masyarakat seiring dengan tuntutan Dakwah Islamiah yang berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah. Semoga UNISSA dapat melahirkan para pelapis yang akan menyambung khidmat kepimpinan dalam menegakkan agama Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di masa akan datang."




| BROADBAND (2012 – 2022) | Mobile Broadband (Jumlah Pelanggan) | Fixed Broadband (Jumlah Pelanggan) |
|---|---|---|
| JUMLAH KESELURUHAN (Kumulatif) | 533,524 | 90,186 |




Mobile Broadband (2012 – 2022)

# Sektor infokomunikasi tunjukkan kemajuan selaras dengan hasrat negara

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Sumber, Ilustrasi : Perangkaan Sektor Pengangkutan & Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2012-2022, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

### Pendahuluan

PADA bulan Ogos 2023, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengeluarkan buku Perangkaan Sektor Pengangkutan & Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2012-2022 yang bertujuan untuk mengongsikan dan menyebarluaskan data-data rasmi yang komprehensif mengenai sektor pengangkutan dan infokomunikasi di negara ini.

Perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan menunjukkan bahawa terdapat trend perkembangan yang positif dan menggalakkan sebelum penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Antara impak dari pandemik tersebut, sektor pengangkutan dan perkhidmatan pos telah terjejas dan mencatatkan trend penurunan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Manakala, sektor infokomunikasi telah menunjukkan peningkatan secara kumulatif seperti penggunaan internet dalam pembelajaran dan pekerjaan serta penggunaan portal GOV.BN untuk urusan perkhidmatan kerajaan.

### Impak pandemik COVID-19 kepada perkembangan sektor infokomunikasi

Menurut buku Perangkaan Sektor Pengangkutan & Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2012, sektor infokomunikasi negara telah menunjukkan kemajuan selaras dengan hasrat negara iaitu untuk menjadi Negara Pintar Terhubung. Antara impak positif dari pandemik COVID-19 adalah, ianya telah mempercepatkan proses transformasi digital ke tahap ianya dapat diterima sebagai kebiasaan baharu ataupun *new normal*. Sehubungan itu, perkhidmatan telekomunikasi seperti perkhidmatan telefon bimbit, jalur lebar mudah alih (*mobile broadband*), jalur lebar tetap (*fixed broadband*) dan talian tetap (*fixed line*) telah mencatatkan purata pertumbuhan yang positif dari satu dekad yang lalu.

### Rumusan perangkaan perkhidmatan infokomunikasi

Perangkaan keseluruhan menunjukkan bahawa trend pelanggan perkhidmatan telefon bimbit prabayar (*prepaid*) dan pasca bayar (*postpaid*) sejak tahun 2012 adalah tidak konsisten. Jumlah tertinggi pelanggan perkhidmatan telefon bimbit yang tercatat adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 603,486. Jumlah terendah yang tercatat pula adalah pada tahun 2014 dimana jumlah pelanggan adalah sebanyak 452,054.

Jika dilihat jumlah pelanggan perkhidmatan telefon bimbit mengikut pecahan perkhidmatan prabayar dan pasca bayar, jumlah pelanggan perkhidmatan pasca bayar menunjukkan trend yang meningkat setiap tahun kecuali tahun 2019 dan 2020. Manakala untuk perkhidmatan prabayar, trend pelanggan adalah tidak konsisten. Walaupun bagaimanapun, dari tahun 2012 hingga 2022, jumlah pelanggan perkhidmatan prabayar kekal lebih tinggi daripada jumlah pelanggan perkhidmatan pasca bayar.

Menurut perangkaan terkini, iaitu catatan untuk tahun 2022, jumlah pelanggan perkhidmatan telefon bimbit adalah 528,723 yang terdiri daripada 401,422 pengguna perkhidmatan prabayar dan 127,301 pengguna perkhidmatan pasca bayar. Ini bermakna, sebanyak 75 peratus pengguna memilih perkhidmatan prabayar berbanding pasca bayar.

Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih, perangkaan menunjukkan dari tahun 2012 hingga 2015 jumlah pelanggan per 100 penduduk seakan-akan konsisten dan mula menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2016. Tahun 2017 dan 2018 kemudian menunjukkan sedikit peningkatan. Peningkatan paling tinggi adalah pada tahun 2019 di mana jumlah pelanggan per 100 penduduk adalah 641,739. Perangkaan terkini iaitu catatan dari tahun 2022, menunjukkan bahawa jumlah pelanggan perkhidmatan jalur lebah mudah alih adalah 533,524.

Perangkaan bagi perkhidmatan jalur lebar tetap dari tahun 2012 hingga 2022 menunjukkan peningkatan konsisten. Walau bagaimanapun, jumlah pengguna perkhidmatan jalur lebar tetap jika dibandingkan dengan pengguna perkhidmatan jalur lebar mudah alih adalah lebih rendah dan kekal pada tahap rendah dari tahun ke tahun. Jumlah langganan per 100 penduduk setakat tahun 2022 adalah 90,186. Catatan peningkatan tertinggi bagi tempoh 11 tahun kebelakangan adalah pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 16,702 pelanggan dari tahun 2019 bertepatan dengan tercetusnya wabak COVID-19.

Bagi perkhidmatan talian tetap, perangkaan menunjukkan bahawa setakat tahun 2022 menunjukkan sebanyak 122,204 pelanggan direkodkan. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 8.8 peratus iaitu 9,906 pelanggan berbanding tahun 2021.

Berkenaan dengan liputan rangkaian telekomunikasi, rangkaian 2G tidak lagi digunakan. Perangkaan menunjukkan bahawa setakat tahun 2022, liputan rangkaian yang digunakan adalah 3G dan 4G. Liputan rangkaian 3G adalah sebanyak 97 peratus manakala rangkaian 4G adalah sebanyak 98.6 peratus. Bagi penyambungan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB), kaedah yang digunakan adalah penyambungan *Fiber to the Home* (FTTH) yang meliputi semua daerah di negara ini. Setakat tahun 2022, rangkaian FTTH telah meliputi 94.43 peratus.

Perangkaan perkhidmatan e-Kerajaan dan penggunaan akaun e-Darussalam yang mula diperkenalkan pada bulan Julai 2011 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun sebagai akaun rasmi untuk urusan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Jumlah pendaftaran secara keseluruhannya bagi tempoh 2012–2022 adalah sebanyak 216,806 manakala jumlah pengaktifan akaun mencatatkan 188,704. Perkhidmatan Talian Darussalam TD123 yang diperkenalkan pada April 2014, secara purata menerima sebanyak 387,544 panggilan pada setiap tahun. Sehingga tahun 2022, keseluruhan panggilan yang diterima melalui TD 123 berjumlah 3,783,577. Jumlah panggilan tertinggi yang diterima adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 774,127 panggilan.

Dengan agenda transformasi digital yang semakin meningkat, keadaan yang berbeza telah dicatatkan bagi perkhidmatan pos. Menurut perangkaan, hampir kesemua perkhidmatan pos telah mengalami kemerosotan seperti perkhidmatan penghantaran surat, bahan cetak, pengendalian mel bungkusan, *express mail services* dan poskad dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

| FIXED LINE (2012 – 2022) | Jumlah Pelanggan | Langganan/ 100 Penduduk (%) |
|---|---|---|
| JUMLAH KESELURUHAN | 122,204 | 28.42% |




Fixed Line (2012 – 2022)

| LIPUTAN RANGKAIAN Mobile Network Coverage (2018 – 2022) | 2G | 3G | 4G |
|---|---|---|---|
| Peratus Tertinggi Rangkaian | 99% (sehingga 2021) | 97% | 98.6% |



| | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|
| 2G | 99% | 99% | 99% | 99% | |
| 3G | 92% | 95% | 96% | 96% | 97% |
| 4G | 90% | 91% | 95% | 95% | 98.6% |

# TERUS TIMBA ILMU TINGKATKAN KEMAHIRAN, KEMAJUAN

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



DAYANG Raihanah binti Haji Awang Saidi (kiri) dan Dayangku Siti Nurul Mashitah binti Pengiran Mohd. Sahar (kanan).

**BERAKAS**, Rabu, 30 Ogos. - Melanjutkan pengajian ke peringkat universiti memberikan peluang dan pengalaman yang berharga kepada setiap pelajar.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-13, Tahun 2023 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Muhammat Faosan Dohae, dari Pattani, Selatan Thailand berkata, semasa pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini pada tahun 2015 untuk melanjutkan pengajian dalam peringkat sarjana di UNISSA, beliau merasakan suasana yang tenang membuatkannya lebih fokus kepada pembelajaran, di samping kagum dengan cara sistem pekerjaan di negara ini yang teratur.

Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah dalam Shariah Islamiah di universiti yang sama pada tahun 2017.

Pensyarah di salah sebuah institusi pengajian di Pattani ini juga menyeru para pelajar yang baharu melanjutkan pengajian ke peringkat universiti untuk tidak pernah jemu menuntut ilmu kerana ia adalah asas bagi setiap bangsa untuk menuju kemajuan dan Rasulullah sendiri mewajibkan umat Islam untuk menuntut ilmu.

Sementara itu, salah seorang graduan Sarjana dalam bidang Teknologi Media dan Komunikasi Islam (by Research), Dayangku Siti Nurul Mashitah binti Pengiran Mohd. Sahar melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berjaya menamatkan pengajian.

"Kejayaan ini bagi saya merupakan *stepping stone* (batu loncatan) untuk saya mendapatkan lebih banyak pengalaman yang dapat digunakan semasa menempuh alam pekerjaan nanti.

"Saya berharap agar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari sepanjang pengajian di UNISSA untuk memberi manfaat kepada mana-mana pihak atau agensi yang memerlukan kepakaran saya," ujar beliau.

Raihanah binti Haji Awang Saidi, yang pernah menuntut di salah sebuah universiti di Mesir dalam jurusan Shariah Islamiah selama dua tahun turut menyeru para pelajar agar terus menimba pengetahuan dan pengalaman di UNISSA bagi mempertingkatkan lagi kemahiran diri.

"Alhamdulillah, saya berasa bersyukur kerana berpeluang untuk memperoleh pengalaman dan mengasah kemahiran di universiti berkenaan antaranya dari segi kepimpinan dan analisis," jelasnya.



AWANG Muhammat Faosan Dohae, dari Pattani, Selatan Thailand.

Graduan Sarjana Muda Kelas Pertama Kepujian dalam bidang Shariah, Fiqh dan Kehakiman tersebut menzahirkan harapan agar dapat memberikan sumbangan positif kepada masyarakat di negara ini melalui pengalaman dan kemahiran yang beliau perolehi sepanjang menuntut di UNISSA.

# Padah tidak mematuhi Akta Kawalan Harga, 8 premis perniagaan dikompaun





JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) semasa membuat pemeriksaan di salah sebuah premis perniagaan (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan sembilan kompaun kepada lapan buah premis perniagaan kerana gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, di sepanjang bulan Ogos 2023.

Pemeriksaan rutin harian yang dijalankan oleh JPES serta beberapa operasi bersepadu di antara JPES dan agensi-agensi penguatkuasa lain masing-masing bertempat di Daerah Belait dan Daerah Temburong di sepanjang bulan Ogos 2023 telah mendapati lapan buah premis perniagaan melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti keterangan dalam rajah.

Di samping itu, sebanyak lapan Notis Amaran telah dikeluarkan kepada lapan buah premis perniagaan dalam bulan Ogos 2023 atas kesalahan-kesalahan seperti menjual minyak masak, susu tepung formula anak damit dan barangan bersubsidi iaitu beras dan gula melebihi harga maksimum dan gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan.

Para peniaga perlu sentiasa menjalankan perniagaan secara beretika dengan mematuhi perundangan-perundangan yang sedia ada termasuk Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya iaitu tidak menjual barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan sentiasa mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual secara jelas dan tepat.

Para peniaga yang gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya boleh dikenakan denda maksimum sebanyak BND20,000 dan penjara selama lima tahun bagi kesalahan yang berulang.

Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES di *www.deps.mofe.gov.bn*.

Manakala, sebarang aduan pengguna boleh dilaporkan melalui saluran-saluran rasmi berikut dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti ke Talian Darussalam 123; Aplikasi mudah alih PenggunaBijak; dan e-mel *aduanpengguna@jpes.gov.bn*.



# TEROKA, PELAJARI GAYA HIDUP MASYARAKAT BRUNEI





**DELEGASI Republik Korea yang terdiri daripada 12 peserta Program Pertukaran Belia di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea semasa mengadakan lawatan ke Taman Peliunan (atas dan kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Hamzah Mohidin**



**KIM Raneun ketika ditemu bual.**

**DAERAH TEMBURONG**, Jumaat, 1 September. - Delegasi Republik Korea yang terdiri daripada 12 peserta bagi Program Pertukaran Belia antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea mengadakan lawatan ke Taman Peliunan, di sini.

Delegasi diberikan taklimat ringkas mengenai keselamatan semasa berada di taman berkenaan, sebelum menyertai beberapa aktiviti menarik termasuk berjalan-jalan di sekitar taman, 'Amazing Race' dan memanah.

Lawatan tersebut merupakan antara pengisian Program Pertukaran Belia berkenaan, yang turut merangkumi lawatan ke pelbagai tempat menarik di negara ini antaranya Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Pusat Kesenian dan Kraftangan Brunei; Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kristal FM, Taman Permainan Jerudong, Pusat Belia, di ibu negara; Decoupage Sengkarai Daerah Tutong; Muzium Daerah Belait, Serikandi Factory dan Tugu Satu Bilion Tong.

Salah seorang peserta, Kim Raneun ketika ditemui berkata, kunjungan tersebut banyak mendedahkan mereka kepada gaya hidup masyarakat di negara ini yang banyak berbeza dengan masyarakat di Republik Korea antaranya dari segi corak pemakanan.

Di samping itu, jelasnya, mereka juga berpeluang mempelajari budaya Islam di NBD dan bergaul dengan orang-orang Brunei yang peramah.

Delegasi Republik Korea berada di negara ini selama 10 hari bermula 29 Ogos hingga 7 September 2023, bagi mengikuti Program Pertukaran Belia di bawah perjanjian kerjasama di antara NBD dan Republik Korea.

Delegasi turut diberikan pendedahan mengenai kehidupan masyarakat Brunei melalui pembelajaran dan pengalaman termasuk mengenali pakaian, adat istiadat dan makanan, di samping menghadiri majlis perkahwinan untuk memberikan gambaran lebih dekat mengenai tradisi masyarakat di negara ini.

Program Pertukaran Belia itu bertujuan untuk membantu dan mengukuhkan kerjasama di antara NBD dan Republik Korea serta meningkatkan persefahaman dan kepercayaan kedua-dua belah pihak melalui penyertaan belia dalam program itu.

Menerusi usaha itu, para delegasi yang terdiri daripada para belia diharap dapat memperoleh manfaat antaranya dalam bentuk persefahaman kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik.

Selain itu juga, kedua-dua pihak diharap dapat meraih ilmu pengetahuan, mempelajari budaya serta membawa pulang idea dan amalan terbaik pelaksanaan program belia di pusat-pusat belia di negara masing-masing untuk digunakan atau dilaksanakan mengikut kesesuaiannya.

# Program Jati Diri 'Berkat' buka tirai

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**





**SERAMAI 96 pelajar menyertai aktiviti pada Program Jati Diri 'Berkat' yang berlangsung di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan dan Sekolah Menengah Menglait (atas dan kanan).**

**BERAKAS**, Rabu, 30 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Program Jati Diri 'Berkat' bagi pelajar-pelajar yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Luar Negeri dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) Sesi Pengajian 2023 / 2024 di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan dan Sekolah Menengah Menglait, hari ini.

Seramai 96 pelajar menyertai program berkenaan yang terdiri daripada 60 penerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Luar Negeri pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, 21 penerima biasiswa pada peringkat Ikhtisas dan Ijazah Sarjana serta 15 pelajar di bawah SBPP, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan program tersebut ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Program Jati Diri 'Berkat' ini akan diadakan selama lima hari, bermula Rabu, 30 Ogos, 2023. Antara perisian program ini adalah termasuk pelbagai taklimat, aktiviti serta sesi perkongsian ilmu seperti ilmu kemahiran hidup, keyakinan, kepimpinan, pengukuhan akidah dan penghayatan Melayu Islam Beraja (MIB).

Dengan pengendalian program ini dijangka akan dapat membentuk peribadi atau jati diri pelajar dengan sifat kepimpinan, berdaya tahan dan berdikari dalam menjalani pengajian di luar negara.

Turut juga diharapkan melalui program ini dapat mempersiapkan diri pelajar untuk memikul tanggungjawab dan sentiasa bersyukur dengan pemberian yang dihulurkan oleh pihak kerajaan sebagai pelajar di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa akan sentiasa memastikan pembelajaran dan kesejahteraan pelajar akan dipantau dan terarah dari semasa ke semasa agar Wawasan Brunei 2035 dapat direalisasikan.

BERITA GLOBAL

# TAPAK WARISAN DUNIA PENTING UNTUK PULIHARA KEPELBAGAIAN BIO - UNESCO, IUCN

**PARIS**, 1 Sept. - Kawasan yang dilindungi program Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) hanya meliputi kurang daripada satu peratus permukaan Bumi, namun menjadi habitat kepada 20 peratus spesies yang banyak menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti, menurut kajian baharu.

Dalam satu kenyataan bersama dengan Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN), UNESCO berkata lebih 75,000 spesies tumbuhan dan lebih 30,000 spesies mamalia, burung, ikan, reptilia dan amfibia mendiami di tapak Warisan Dunia, yang dilindungi di peringkat antarabangsa menerusi Konvensyen Warisan Dunia, lapor Xinhua.

"Tapak ini dianggarkan melindungi lebih 20,000 spesies terancam, termasuk sehingga satu pertiga daripada semua gajah, harimau dan panda, dan sekurang-kurangnya satu per sepuluh daripada beruk besar, singa dan badak sumbu," kata mereka dalam laporan penilaian itu.

Tapak Warisan Dunia juga telah menjadi barisan pertahanan terakhir bagi setengah spesies yang di ambang kepupusan.

Organisasi tersebut menggalakkan negara anggota supaya mengutamakan tapak Warisan Dunia dalam strategi dan pelan tindakan kepelbagaian bio di negara masing-masing, kerana ia merupakan kunci untuk menggerakkan tindakan dalam Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal (GBF).

"Sebanyak 1,157 tapak bukan sahaja terkenal dari segi sejarah dan budaya, bahkan penting untuk memulihara kepelbagaian hidupan di Bumi, mengekalkan perkhidmatan ekosistem penting dan menangani gangguan iklim," kata Ketua Pengarah UNESCO Audrey Azoulay. - ©BERNAMA

# Korea Selatan laksana projek rintis khidmat pembantu rumah asing

**SEOUL**, 1 Sept. - Seramai 100 warga asing akan diambil bekerja sebagai pembantu rumah seawal akhir tahun ini, sebagai sebahagian daripada projek rintis kerajaan Korea Selatan untuk menangani permintaan yang meningkat, kata pegawai pada Jumaat.

Projek yang dijadualkan diperkenalkan di Seoul seawal Disember itu juga bertujuan untuk menangani kekurangan pekerja tempatan dan membantu memastikan kaum wanita dapat meneruskan kerjaya mereka, menurut Pejabat Penyelarasan Dasar Kerajaan, agensi di bawah Pejabat Perdana Menteri.

Seramai 100 warga asing kebanyakan dari negara Asia Tenggara, termasuk Filipina akan bekerja sebagai pembantu rumah selama kira-kira enam bulan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Keutamaan projek itu adalah untuk isi rumah yang suami dan isteri bekerja dan berusia dalam lingkungan umur 20-an hingga 40-an, serta kepada keluarga ibu bapa tunggal, isi rumah dengan wanita hamil dan keluarga yang mempunyai anak ramai.

Mereka juga boleh mengupah pembantu rumah asing untuk bekerja secara sambilan dan pembantu rumah ini mungkin dibayar kurang daripada kadar pasaran semasa iaitu 15,000 won (US$11.40) sejam.

"Ia langkah yang perlu untuk mengatasi masalah kekurangan buruh," kata Menteri Penyelarasan Dasar Kerajaan Bang Ki-seon, sambil menekankan keperluan untuk pemantauan menyeluruh memandangkan projek itu secara langsung berkaitan dengan hal ehwal keluarga.

Agensi pekerjaan yang diberi kuasa oleh kerajaan akan mengambil pekerja domestik asing dengan visa E-9, dengan calon berpotensi berumur 24 tahun ke atas untuk menjalani saringan.

Beliau berkata kerajaan akan menjalankan pemeriksaan latar belakang pekerja asing, termasuk sejarah kerjaya, rekod jenayah, rekod berkaitan dadah dan kemahiran dalam bahasa Korea dan Inggeris.

Bilangan pembantu rumah tempatan telah berkurangan secara beransur-ansur, dengan 92.3 peratus daripada mereka berusia lebih 50 tahun, menurut Kementerian Buruh.

Pekerja domestik yang tinggal di rumah majikan biasanya dibayar kira-kira 3.5 hingga 4.5 juta won sebulan.

Kerajaan bercadang untuk meluaskan perkhidmatan itu ke bahagian lain di negara ini selepas melakukan analisis terhadap prestasi projek perintis itu. - ©BERNAMA

# Setiausaha Pertahanan UK Ben Wallace letak jawatan

**MOSCOW**, 31 Ogos. - Setiausaha Pertahanan Ben Wallace menghantar surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri Rishi Sunak selepas empat tahun memegang jawatan itu, lapor Sputnik memetik dokumen yang diterbitkan oleh kerajaan UK pada Khamis. Wallace dilantik memegang jawatan itu pada 2019 di bawah kerajaan Boris Johnson.

"Setelah memikirkan dengan sedalam-dalamnya, saya mengambil keputusan untuk berundur. Saya memenangi kerusi ini pada 2005 dan sudah tiba masanya untuk kembali menjalani kehidupan yang saya tinggalkan, selain meneroka peluang baharu," menurut dokumen itu.

Sunak menerima peletakan jawatan itu dan memahami hasrat Wallace untuk berundur selepas lapan tahun menjalankan tugas menteri. "Saya menghormati keputusan anda dan terima kasih," kata Sunak. - ©BERNAMA

# Jepun akan guna mekanisme WTO berhubung sekatan import makanan laut

**TOKYO**, 30 Ogos. - Jepun akan menggunakan mekanisme dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk bertindak balas terhadap larangan import makanan laut oleh China susulan pelepasan air terawat daripada loji nuklear (NPP) Fukushima, kata Ketua Setiausaha Kabinet Jepun Hirokazu Matsuno pada Rabu, lapor Sputnik.

Agensi Berita Kyodo pada Selasa melaporkan Tokyo sedang memikirkan kemungkinan memfailkan tuntutan mahkamah dengan WTO dan mengambil tindakan lain sebagai tindak balas terhadap larangan import makanan laut oleh China itu.

"Tindakan itu tidak boleh diterima. Kami akan mempertimbang pelbagai pilihan dan mengambil tindakan yang perlu dalam WTO," kata Matsuno pada taklimat akhbar.

Jepun mula melepaskan sisa air terawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik pada 24 Ogos, setelah mencairkannya dengan air laut terlebih dahulu. Sebagai tindak balas, pihak berkuasa kastam China mengumumkan penggantungan semua import makanan laut dari Jepun.

Keputusan Jepun untuk melepaskan air tercemar nuklear itu ke Lautan Pasifik dikritik China yang bimbangkan pencemaran radioaktif, dengan Beijing menuntut Jepun menghentikan "perbuatan salah" tersebut.

Sementara itu, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa berkata sisa air yang dirawat itu hanya mempunyai kesan radiologi yang sangat kecil kepada manusia dan alam sekitar. - ©BERNAMA

# India benar eksport beras ke Singapura

**NEW DELHI**, 30 Ogos. - India akan membenarkan eksport beras ke Singapura walaupun terdapat larangan terhadap perdagangan beberapa varieti bagi mengawal harga domestik.

Kerajaan melarang eksport beras hancur pada September tahun lalu dan pada 20 Julai mengharamkan eksport beras putih bukan basmati.

Pada 27 Ogos larangan dilanjutkan untuk menguatkuasakan sekatan eksport yang lebih ketat berbanding yang diumumkan sebelum ini.

Bagaimanapun, India akan membenarkan eksport beras ke Singapura kerana hubungan yang "sangat strategik" dengan negara itu.

"Memandangkan hubungan istimewa itu, India telah memutuskan untuk membenarkan eksport beras bagi memenuhi keperluan keterjaminan makanan Singapura. Arahan rasmi berhubung perkara ini akan dikeluarkan tidak lama lagi," kata jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar India Arindam Bagchi pada Selasa.

Langkah India itu telah menyebabkan kenaikan harga beras global, tetapi kerajaan peka terhadap inflasi makanan tempatan akibat implikasi pilihan raya dan keterjaminan makanan. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 58 maut dalam kebakaran bangunan di Johannesburg

**JOHANNESBURG**, 31 Ogos. - Sekurang-kurangnya 58 orang maut dalam kebakaran di sebuah bangunan bertingkat di bandar Johannesburg, Afrika Selatan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa), memetik perkhidmatan kecemasan tempatan pada Khamis.

Sekurang-kurangnya 43 lagi cedera, kata jurucakap Perkhidmatan Pengurusan Kecemasan Johannesburg, Robert Mulaudzi.

Mulaudzi berkata angka kematian mungkin meningkat kerana usaha mencari mangsa masih diteruskan. - ©BERNAMA

# Platform X benarkan semula iklan politik

**SAN FRANCISCO**, 30 Ogos. - Platfrom X (Twitter) Elon Musk, kini kembali menerima iklan politik, selepas kira-kira empat tahun, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Larangan yang diperkenalkan pada Oktober 2019 itu pada mulanya akan ditarik balik di Amerika Syarikat, menurut hantaran blog itu pada Selasa.

Bekas ketua Twitter Jack Dorsey yang mewajarkan larangan itu berkata capaian politik perlu diperoleh dan bukan dibeli. X kini merujuk komitmen perkhidmatannya kepada kebebasan bersuara.

Pada masa yang sama, platform itu akan mengenakan beberapa peraturan terhadap penyebaran mesej politik berbayar.

Mesej politik dilarang mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan. Ini termasuk gambaran salah yang bertujuan menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap kesahihan pilihan raya.

Sekatan ini mungkin mengehadkan cara bekas presiden Donald Trump dan penyokongnya menggunakan X dalam kempen presiden 2024.

Apa pun hakikatnya, Trump tetap mendakwa bahawa pilihan raya lepas "telah dicuri" daripadanya.

Musk telah mengaktifkan semula akaun Trump yang telah lama diharamkan pada perkhidmatan itu. Setakat ini, bekas presiden itu hanya sekali menggunakannya, memuat naik gambar mugshot yang dirakam oleh polis.

Trump aktif di rangkaian media sosialnya sendiri, Truth Social.

Rangkaian itu kini hanya mempunyai 6.4 juta pelanggan, manakala di X beliau berjaya mendapatkan lebih 80 juta pengikut. - ©BERNAMA

# Bandar Raya New York benarkan laungan azan pada Jumaat, Ramadan

**WASHINGTON**, 29 Ogos. - Datuk Bandar New York City Eric Adams mengumumkan bandar raya itu akan membenarkan laungan azan pada waktu yang ditetapkan setiap hari Jumaat dan sepanjang Ramadan.

"Sudah terlalu lama wujud kekeliruan mengenai komuniti mana yang tidak dibenarkan untuk melaungkan azan mereka.

"Hari ini, kami mengetepikan kerenah birokrasi dan menyatakan dengan jelas bahawa masjid dan rumah ibadat bebas untuk mengumandangkan azan pada hari Jumaat dan pada bulan Ramadan tanpa perlu memohon kebenaran," lapor Agensi Anadolu memetik sidang akhbar Adams pada Selasa.

Pada sidang akhbar yang dihadiri oleh wakil dari pelbagai persatuan masjid dan yayasan Islam itu, Adams berkata: "Anda bebas mengamalkan kepercayaan anda di New York City kerana di bawah undang-undang kita semua berhak mendapat layanan yang sama. Pentadbiran kami amat berbangga dengan mencapai pensetujuan ini".

Mengikut peraturan baharu itu, masjid boleh menyiarkan laungan azan setiap Jumaat antara 12.30 tengah hari dan 1.30 tengah hari, serta sebelum berbuka puasa, setiap petang pada Ramadan.

Pemimpin masyarakat Islam berterima kasih kepada Datuk Bandar dan pegawai lain yang terlibat.

Selepas mesyuarat berakhir, azan dilaungkan dari podium, disertai penjelasannya dalam bahasa Inggeris, katanya. - ©BERNAMA

Pelita Brunei




# KEJOHANAN TAEKWONDO PIALA DUTA KOREA BUKA TIRAI



TUAN Yang terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Kejohanan Taekwondo Brunei Darussalam Piala Duta Korea Kali Ke-3 bagi Tahun 2023 (kiri dan kanan).

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Seramai 305 peserta terdiri daripada sembilan pasukan kelab-kelab tempatan dan negara jiran menyertai Kejohanan Taekwondo Brunei Darussalam Piala Duta Korea Kali Ke-3 bagi Tahun 2023.

Kejohanan anjuran Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam dengan kerjasama Kedutaan Republik Korea itu akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 3 September 2023 bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Penaung Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Presiden Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam, Awang Haji Tajuddin bin Haji Mohd Salleh.

Antara acara-acara yang dipertandingkan pada kejohanan tersebut adalah Hanmadang dalam acara Speed Turning Kicks; 360 Speed Turning Kicks; High Jump Kicks; Long Jump Kicks; Fist Breaking dan Hand Knife Breaking; Poomsae dalam acara individu, beregu dan berpasukan, Kyorugi, Taerobic dan Demonstrasi.

Majlis perasmian turut diisikan dengan sesi suai kenal bersama peserta-peserta kejohanan diikuti sesi bergambar ramai dan kemudian acara Demonstrasi Taekwondo.

Kejohanan tersebut juga dianjurkan sempena Festival Kebudayaan Korea (Korean Culture Festival) anjuran Kedutaan Republik Korea yang bermula hari ini.

## 6 pasukan berentap pada Kejohanan KSK 2023

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 September. - Kejohanan Skim Karate (KSK) 2023 membuka tirai hari ini dengan penyertaan dari enam buah pasukan iaitu Skim Daerah Brunei Muara, Skim Daerah Tutong, Skim Daerah Temburong, dan Skim Daerah Belait, termasuk dua pasukan jemputan iaitu Sekolah Sukan dan Politeknik Brunei.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan KSK 2023 diadakan di Dewan Riadah, Pusat Belia, di sini, yang dihadiri oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abd Karim dari Jabatan Belia dan Sukan (JBS), diikuti dengan bacaan ikrar yang diketuai oleh Pemenang Pingat Gangsa Acara Kumite Lelaki, Kategori Di Bawah 55Kg, di Sukan SEA Ke-32, Kemboja, Awang Muhammad Harith bin Dahlan.

Seramai 256 peserta menyertai KSK 2023, iaitu 134 lelaki dan 122 perempuan dalam pelbagai acara dan kategori mengikut lingkungan umur 6 hingga 21 tahun.

KSK 2023 diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga Ahad, 3 September, dianjurkan oleh JBS melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, Bahagian Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kerjasama Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF).

Antara objektif KSK adalah sebagai Projek Pembangunan Sukan dalam jangka panjang secara berterusan, di samping memberikan galakan dan dorongan kepada golongan kanak-kanak dan belia di negara ini.

Selain itu, ia juga untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas, baik dari segi fizikal mahupun mental, juga untuk mencungkil bakat dan potensi dalam kalangan kanak-kanak dan belia.

Ia juga adalah sebagai salah satu usaha ke arah persediaan penyertaan atlet negara sebelum menyertai pertandingan sukan di Peringkat Serantau dan Antarabangsa.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Kejohanan Skim Karate (KSK) 2023 (kiri sekali dan kiri).

### Tahukah Awda

NEGARA Brunei Darussalam telah mencatat satu lembaran sejarah dalam perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di arena antarabangsa dalam pencapaian kesihatan bilamana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dianugerahkan Pingat Emas Presiden dari The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland pada 30 Jun 2000. Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sumbangan kerajaan baginda terhadap perkembangan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

**SUMBER :** *Raja Di Hati Rakyat*